



فلیتا برونی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.39 | SUBUH 4.49 | SYURUK 6.09 | DUHA 6.32 | ZUHUR 12.19 | ASAR 3.35 | MAGHRIB 6.26 | ISYAK 7.38 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 52

30 APRIL 2025 / 1446 2 ذو القعده

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

مانیسش ایمان

"DARI Abu Hurairah Radhiyallahu Anhu, dari Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, bahawa Baginda telah bersabda : Orang-orang yang menunaikan haji dan umrah itu adalah tetamu Allah. Jika mereka berdoa kepada-Nya, nescaya Allah akan memakbulkannya, jika mereka memohon keampunan kepada-Nya, nescaya Allah mengampunkan mereka."

(Hadis riwayat Al-Imam Ibnu Majah)

KEJAYAAN WAWASAN BRUNEI 2035 PERLU PERANCANGAN PEMBANGUNAN TELITI

Oleh : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 29 April. - Wawasan Brunei 2035, bukan sahaja menjadi panduan dasar dan strategi pembangunan negara tetapi juga mencerminkan harapan rakyat dan penduduk negara bagi kualiti kehidupan yang tinggi, peluang yang saksama dan sebuah negara yang makmur, aman dan sejahtera.

Tiga aspirasi utama Wawasan Brunei 2035, iaitu untuk melihat Negara Brunei Darussalam (NBD) dikenali dengan rakyatnya yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, mempunyai taraf hidup yang berkualiti tinggi dan ekonomi yang dinamik dan mampu, mencerminkan hala tuju strategik negara yang berpandangan jauh dari berlandaskan cita-cita murni ini.

Kejayaan dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035 menuntut perancangan pembangunan yang teliti, penyelaras dan pencejajaran yang kukuh serta komitmen tinggi daripada / kepada semua pihak, ia juga bergantung kepada pelaksanaan yang cekap sebagai asas kepada pembangunan yang mampu, inklusif dan berdaya tahan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan perkara berkenaan semasa mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 (MTWB 2035) Kali Pertama bagi Tahun 2025 yang berlangsung di Istana Nurul Iman, hari ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah semasa mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 (MTWB 2035) Kali Pertama bagi Tahun 2025 yang berlangsung di Istana Nurul Iman. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit (Lihat muka 2).

bertitah kita memerlukan institusi yang kukuh, urus tadbir yang berkesan dan penggunaan data yang menyeluruh sebagai asas perancangan dan keputusan strategik dalam mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

"Dalam menghadapi cabaran global yang semakin kompleks seperti konflik geopolitik, ketidakstabilan ekonomi akibat ketegangan perdagangan, perubahan iklim dan transformasi digital.

Maka adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memastikan usaha-usaha Majlis Tertinggi ini sentiasa selaras dengan

perkembangan semasa dan pada masa yang sama, tidak lari dari tiga nilai teras Wawasan Brunei 2035, iaitu kesetiaan kepada sultan dan negara, keyakinan terhadap nilai-nilai Islam dan keharmonian sosial dan amalan tradisi berbaik-baik.

Di sinilah pentingnya, peranan MTWB 2035 dalam memastikan perancangan strategik yang disusun di bawah kerangka kerja Wawasan Brunei 2035," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

>> Muka 2

463 orang terima pingat kehormatan

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 28 April. - Penganugerahan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam yang dikurniakan oleh Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada

seramai 463 orang penerima setentunya menjadi penyuntik semangat bagi warga jabatan kerajaan untuk terus maju dan cemerlang demi berbakti dan memberi sumbangan kepada negara.

>> Muka 5

Komited memperkasa perlindungan radiasi, persediaan kecemasan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 28 April. - Dalam usaha penting serta komitmen yang berterusan dalam memperkasa usaha perlindungan radiasi dan persediaan kecemasan di negara ini, Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) melancarkan dua kemudahan yang berkaitan iaitu Makmal Perkhidmatan Dosimetri Radiasi (Radiation Dosimetry Service Laboratory - RDSL) dan Stesen Pemantauan Kadar Dos Radiasi

Gamma (Gamma Dose Rate Monitoring Station - GDRMS).

Majlis pelancaran rasmi kemudahan tersebut disempurnakan oleh Pemangku Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu yang juga selaku Pengurus Lembaga Pengarah SHENA.

Majlis berkenaan diadakan bersempena dengan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2025 yang disambut pada 28 April setiap tahun.

Sebagai negara ahli Agensi Tenaga Atom

Antarabangsa (IAEA) semenjak tahun 2014, Negara Brunei Darussalam (NBD) terus mendapat manfaat daripada projek-projek kerjasama teknikal bersama sokongan dari agensi-agensi yang berkaitan.

Penubuhan dua kemudahan tersebut merupakan satu lagi mercu tanda penting dalam inisiatif SHENA ke arah memastikan perlindungan yang lebih menyeluruh terhadap pekerja-pekerja radiasi, orang awam dan alam sekitar di NBD.

>> Muka 7

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

f Pelita Brunei @pelitabrunei X pelitabrunei

Berita Utama



JABATAN Penerangan adakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahliil

Muka 9



RUMAH mangsa kebakaran kini siap dibangun semula

Muka 12



TAKLIMAT Kesihatan bagi bakal jemaah haji

Muka 18

Malaria merupakan penyakit parasit yang boleh mengancam nyawa.

Penyebab penyakit ini adalah parasit Plasmodium yang ditular melalui gigitan nyamuk Anopheles betina.

25 April disambut sebagai Hari Malaria Sedunia bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang malaria.

RENCANA

BERWASPADA kepada penyakit malaria

Muka 21

MEMASTIKAN STRATEGI PEMBANGUNAN KEKAL RELEVAN, RESPONSIF

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit,
Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 29 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, bagi memastikan kedayatahanan agenda pembangunan negara, kita perlu mengorak langkah yang dinamik dan sentiasa bersedia dalam menghadapi cabaran masa hadapan yang tidak menentu dalam dunia yang pantas berubah, kesiapsiagaan untuk bertindak balas dan menyesuaikan diri dengan isu-isu semasa yang muncul (*emerging issues*) adalah penting kerana ia boleh memberi kesan langsung

kepada pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI-KPI) kebangsaan yang telah ditetapkan.

Oleh yang demikian titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, setiap pelan dan inisiatif pembangunan perlu dilihat sebagai satu *life document* yang memerlukan semakan dan penyelaras dari semasa ke semasa mengikut keperluan semasa dan perubahan.

Pendekatan ini penting tegas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi memastikan strategi-strategi pembangunan

kekal relevan, responsif dan berupaya mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035 khususnya dalam meningkatkan kemakmuran ekonomi, kesejahteraan rakyat dan pembangunan modal insan negara.

Bertitah semasa mempergerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 (MTWB 2035) Kali Pertama bagi Tahun 2025 yang berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah semua orang perlu ingat bahawa usaha untuk mencapai semasa ini tidak dapat dipikul oleh kerajaan sahaja, bahkan ia memerlukan penglibatan semua pihak khususnya bukan kerajaan, sebagai rakan pembangunan strategik.

"Beta juga berharap, tindakan transformasi yang diambil oleh majlis ini dengan gandingan

usaha padu jentera Perkhidmatan Awam dan sektor bukan kerajaan akan dapat memenuhi harapan generasi kini dan akan datang.

"Usaha bersama perlu untuk membawa ke arah pembangunan yang pesat demi kesejahteraan semua lapisan masyarakat di negara ini. Majlis ini akan meneliti kerangka kerja Wawasan Brunei 2035 yang telah dikemas kini termasuk penetapan petunjuk-petunjuk prestasi utama atau KPI-KPI kebangsaan dan penggunaan indeks Wawasan Brunei 2035 sebagai pengukur pencapaian di peringkat kebangsaan," titah baginda lagi.

Kebawah DYMM juga difahamkan bahawa semua ahli telah pun meneliti rangka kerja Wawasan Brunei 2035 melalui kementerian masing-masing dan perbincangan di peringkat mesyuarat kordinasi Wawasan Brunei 2035.

Ini titah baginda lagi, penting

bagi membolehkan Majlis Tertinggi bagi mendapat gambaran menyeluruh mengenai pencapaian semasa dan hala tuju menjelang tahun 2035.

Kebawah DYMM dalam titah juga berharap kerangka kerja Wawasan Brunei 2035 dan KPI-KPI Kebangsaan akan digunakan secara telus, konsisten dan meluas dalam memandu tindakan transformasi khususnya melalui *blueprint-blueprint* yang telah disediakan.

Baginda selanjutnya bertitah, selaras dengan hasrat ini, usaha dan inisiatif yang bersepudu di setiap peringkat adalah penting dalam memantapkan perlaksanaan strategi dan pelan tindakan.

"Strategi yang dirancang hendaklah saling mendukung dan menghasilkan kesan berganda (*multiplier effect*) kepada semua sektor dan kumpulan sasaran.

Ini termasuklah keperluan untuk semua pihak terus fokus kepada sasaran yang dipersekutui bersama tanpa tersasar daripada hala tuju utama Wawasan Brunei 2035," titah Kebawah DYMM lagi.

Kejayaan Wawasan Brunei 2035 perlu perancangan pembangunan teliti

>> Muka 1

Blueprint-blueprint Wawasan Brunei 2035 dan pelaksanaan projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara titah baginda lagi adalah dikehendaki sejak dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia

juga berkenan merujuk titah baginda sedekad yang lalu semasa penubuhan majlis tersebut iaitu mengenai dengan pentingnya kerjasama erat di antara Majlis dan Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara dalam memperkuuh pelaksanaan

agenda pembangunan negara dengan lebih terarah dan menyeluruh, baginda bertitah melahirkan harapan agar Majlis Tertinggi berkenaan akan terus menyokong inisiatif-inisiatif yang digerakkan oleh semua pihak dalam merealisasikan

objektif-objektif besar di bawah Wawasan Brunei 2035 dan menjayakan pelaksanaan *blueprint-blueprint*.

Terdahulu, Kebawah DYMM dalam titah menzhirkan penghargaan terhadap komitmen dan sokongan padu semua ahli

dalam usaha untuk menjayakan Wawasan Brunei 2035 yang merupakan hala tuju jangka panjang negara yang mencerminkan cita-cita murni dan komitmen padu ke arah kemajuan yang inklusif, seimbang dan berterusan.

WAKTU SEMBAHYANG

APRIL MASIHI	HARI	ZULKAEDAH HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
30	RABU	2	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
1 (MEI)	KHAMIS	3	4.38	4.48	6.09	6.32	12.18	3.36	6.26	7.38
2	JUMAAT	4	4.38	4.48	6.08	6.31	12.18	3.36	6.26	7.38
3	SABTU	5	4.38	4.48	6.08	6.31	12.18	3.36	6.26	7.38
4	AHAD	6	4.37	4.47	6.08	6.31	12.18	3.36	6.26	7.38
5	ISNIN	7	4.37	4.47	6.08	6.31	12.18	3.37	6.26	7.38
6	SELASA	8	4.37	4.47	6.08	6.31	12.18	3.37	6.26	7.39

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan		
32 25 °C	32 25 °C	33 25 °C
Pekan Bangar		
32 25 °C	32 24 °C	33 25 °C
Pekan Tutong		
32 25 °C	31 25 °C	32 25 °C
Kuala Belait		
32 25 °C	31 24 °C	32 25 °C
Wallauhala Bissawab	www.met.gov.bn	
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

SIDANG PENGARANG

30 APRIL 2025

Kurangkan pencemaran karbon

KELESTARIAN bumi adalah antara agenda penting bagi mengekalkan kebersihan alam sekitar, meningkatkan tahap kesihatan penduduk, melindungi keindahan flora juga fauna dan sebagainya. Kelestarian bumi turut membabitkan aktiviti memelihara dan memulihara alam sekitar daripada sebarang ancaman.

Menurut sumber-sumber yang tertentu, pelepasan karbon (*CO2 emissions*) ditentukan oleh gaya hidup dan penggunaan oleh individu atau kelompok individu dalam sehari-hari. Pengiraan pelepasan karbon individu pula berdasarkan tapak karbon (*carbon footprint*) dalam tempoh setiap hari.

Tapak karbon individu berpuncanya daripada pelbagai faktor. Antara faktor yang mempengaruhinya ialah penggunaan tenaga fosil, elektrik, saiz isi rumah, jumlah kitar semula, jarak perjalanan dan sebagainya. Semua faktor ini menyumbang kepada pengiraan jumlah tapak karbon individu.

Pelbagai kaedah pengiraan tapak karbon diperkenalkan oleh banyak pihak dan ia boleh diakses secara dalam talian. Menerusi kiraan itu, individu dapat mengetahui jumlah karbon yang dilepaskan ke atmosfera dan seterusnya merancang aktiviti harian yang lebih lestari dalam usaha menurunkan jumlah tapak karbon.

Gaya hidup lestari bermula dari rumah. Pelbagai aktiviti dan penggunaan sumber atau bahan sehari-hari oleh individu akan mempengaruhi tapak karbon. Fokus utama amalan gaya hidup di rumah ialah cara penggunaan tenaga elektrik. Ini kerana ia adalah antara penyumbang terbesar kepada peningkatan jumlah tapak karbon individu.

Oleh itu, kita disarankan supaya menggunakan tenaga elektrik secara berhemah dan tidak membazir. Misalnya, hanya menggunakan kipas elektrik atau membuka tingkap rumah bagi pengaliran angin semula jadi. Penggunaan alat pendingin hawa hanya untuk keadaan tertentu sahaja seperti dalam situasi panas luar biasa atau saiz isi rumah yang besar.

Amalan lestari disemarakkan lagi dengan budaya pengurangan, guna semula dan kitar semula (3R). Mengikut piramid budaya 3R, aktiviti yang perlu dijadikan amalan adalah mengurangkan penggunaan produk atau barang bagi mengelak penjanaan bilangan sisa yang berlebihan.

Bagi aktiviti guna semula, pengguna digalakkan kreatif dalam memanfaatkan semula bahan sisa. Misalnya, menggunakan semula botol atau tin sebagai bahan perhiasan di rumah. Seterusnya ialah aktiviti kitar semula iaitu hal yang sangat penting bagi mengatur sisa yang dijana dari punca (rumah).

Kaedah ini membabitkan proses pengasingan sisa mengikut jenis seperti plastik, botol, kertas dan sebagainya. Setelah tempat pengumpulan sementara penuh, semua sisa dihantar ke pusat kitar semula atau diserahkan kepada pekerja pembersihan di kawasan rumah masing-masing.

Kesimpulannya, kesedaran terhadap kepentingan amalan gaya hidup lestari sangat dititikberatkan dalam usaha menurunkan kadar tapak karbon seseorang individu, organisasi dan negara. Urusan sehari-hari dan cara hidup individu menerusi pelbagai aktiviti dan penggunaan pelbagai bahan atau sumber menyumbang secara langsung kepada pelepasan karbon di atmosfera.

Oleh itu, usaha melestarikan bumi adalah tanggungjawab bersama tanpa mengira pangkat, kaum dan usia. Banyak manfaat dan kebaikan diperoleh apabila agenda kelestarian bumi dilaksanakan secara mampan dan berkesan. - Ketua Penyuntingan (Zk)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

 pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 |  www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جاتن قراغن، جاتن فردان منتری دان ڈچیتو اوله فرینت قلس سندیرین بحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERANGKAT MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MTWB 2035



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 (MTWB 2035) kali Pertama bagi Tahun 2025 yang berlangsung di Istana Nurul Iman (kiri dan kanan).

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit,
Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 29 April. - Mesyuarat Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 (MTWB 2035) antara lain membincangkan mengenai pengemaskinian Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035, agar ia lebih inklusif terhadap isu-isu semasa dan cabaran-cabaran yang sedang dan bakal dihadapi.

Pengemaskinian tersebut

bertujuan untuk memastikan perancangan dan pelaksanaan dasar terus relevan dan seiring dengan perubahan landskap sosioekonomi, baik di peringkat kebangsaan mahupun serantau dan global.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan berangkat mempengerusikan Mesyuarat MTWB 2035 kali Pertama bagi Tahun 2025 yang berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini.

Juga berangkat ialah paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Duli

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Timbalan Pengerusi MTWB 2035.

Mesyuarat berkenaan dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Pada mesyuarat berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan mengurniakan titah.

MTWB 2035 terus berperanan sebagai platform tertinggi negara dalam menyelaras, memandu dan memantau kemajuan pelaksanaan Wawasan Brunei 2035 ke arah membentuk masa depan Negara Brunei Darussalam yang cemerlang, mampu dan berdaya tahan.



SURAH AI-FATIHAH DAN DOA SELAMAT DIBACAKAN OLEH YANG BERHORMAT MENTERI HAL EHWAL UGAMA (BAWAH).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menadah tangan semasa doa dibacakan (atas). Turut berangkat ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Timbalan Pengerusi MTWB 2035 (kanan).

KEBAWAH DYMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit,
Mohammad Hasif Matzin



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Pertanian dan Perhutanan, Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Assoc. Prof. Dr. Linkham Douangsavanh yang berlangsung di Istana Nurul Iman (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 29 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan menerima mengadap Menteri Pertanian dan Perhutanan, Republik Demokratik Rakyat

Lao, Tuan Yang Terutama Assoc. Prof. Dr. Linkham Douangsavanh.

Majlis Mengadap berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini.

Tuan Yang Terutama Assoc. Prof. Dr. Linkham Douangsavanh telah berada di negara ini dari 28 April sehingga esok, 30 April 2025.

Menyertai TYT Assoc. Prof. Dr. Linkham Douangsavanh di sini ialah Duta Besar Istimewa

dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Lao ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Yang Terutama Sengdavanh Vongsay; dan pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pertanian dan Perhutanan, Republik Demokratik Rakyat Lao.

NBD dan Republik Demokratik Rakyat Lao telah menjalankan hubungan dua hala melalui hubungan diplomatik pada 27 Julai 1993 dan satu pencapaian

penting dalam hubungan dua hala berkenaan adalah kerjasama pertanian melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) dalam kerjasama pertanian pada 25 Oktober 2022.

Turut hadir, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; dan Timbalan Menteri di Jabatan

Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

TYT Assoc. Prof. Dr. Linkham Douangsavanh berada di negara ini bagi menghadiri 2nd Joint Working Committee Meeting antara Kementerian Pertanian dan Perhutanan, Republik Demokratik Rakyat Lao dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, NBD.

Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 28 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Chairman of the Japan-Brunei Friendship Association (JBFA), Michiaki Hirose yang juga selaku Senior Corporate Advisor, Tokyo Gas Company Limited.

Menyertai Chairman of JBFA pada Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman, hari ini ialah Ahli-ahli Kanan Eksekutif daripada Tokyo Gas Company Limited dan Mitsubishi Corporation (Jepun).

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merakamkan penghargaan kepada pihak JBFA termasuk Tokyo Gas Company Limited dan Mitsubishi

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Chairman of the Japan-Brunei Friendship Association (JBFA), Michiaki Hirose yang juga selaku Senior Corporate Advisor, Tokyo Gas Company Limited (atas kiri dan atas).

Corporation yang telah memainkan peranan penting dalam pembangunan LNG industri negara dan baginda berharap kerjasama strategik yang telah lama terjalin dalam sektor minyak dan gas untuk terus diperkuuhkan.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM,

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos dan Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah.

463 ORANG TERIMA PINGAT KEHORMATAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat pada Istiadat Pengurniaan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman. Turut berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Oleh: Khartini Hamir

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit,
Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad

>> Muka 1

Pengurniaan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam tersebut adalah sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mengurniakan pingat kepada para penerima (atas, bawah dan bawah kanan)



Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 Tahun.

Berangkat mengurniakan Pingat-Pingat Kehormatan Negara, selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Istiadat Pengurniaan Pingat tersebut berlangsung di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman, di sini.

Mendahului pengurniaan pingat-pingat ialah Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K) yang dikurniakan dan diterima oleh 13 penerima yang terdiri daripada tiga penerima dari Pejabat

DOA Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar (bawah kiri). Manakala, gambar bawah, antara yang hadir pada majlis tersebut.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan 10 dari Kementerian Pertahanan.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan mengurniakan Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B) yang dikurniakan kepada seramai 449 penerima yang terdiri daripada 33 penerima dari Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam; 145 dari JPM; 29 dari Kementerian Pertahanan; 70 dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi; 11 dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri; 127 dari Kementerian Hal Ehwal Ugama; 18 dari Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; dan 16 dari Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Manakala seorang penerima dari Kementerian Pertahanan dianugerahkan Pingat Pahlawan Perwira (P.P).

Bagi memberkati Istiadat Pengurniaan Pingat tersebut, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Juga hadir ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria; Menteri-Menteri Kabinet; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat; Timbalan-Timbalan Menteri; Pengiran-Pengiran Peranakan; Pehin-Pehin Manteri; Manteri-Manteri Pendalam; Pesuruhjaya Tinggi; Duta-Duta Besar; Setiausaha-Setiausaha Tetap; Ketua-ketua Jabatan; pegawai - pegawai kanan kerajaan, Penghulu-penghulu Mukim serta Ketua-ketua Kampung.



KERJASAMA, KOMITMEN AJKT PENTING JAYAKAN AKTIVITI TAKMIR MASJID



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Surat Lantikan Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau Sesi 2025 Hingga 2027 dan seterusnya menyampaikan surat lantikan AJKT kepada salah seorang penerima (atas dan kanan).

MENGKUBAU, Isnin, 28 April. - Masjid An-Na'im Kampung Panchor Mengkubau dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Jumaat 29 Syaaban 1446 Hijrah bersamaan 28 Februari 2025 Masihi.

Cara perasmian yang sedemikian sudah menjadi tradisi yang diamalkan bagi masjid-masjid kita dirasmikan dan setelah dirasmikan itu masjid berkenaan pun ditakmirkkan iaitu dalam makna mengaktifkannya atau menghidupkan suasannya sebagai masjid yang dibina menurut undang-undang negara Bab 2 Akta Majlis Ugama Islam iaitu bagi maksud mengadakan sembahyang, perkhidmatan-

perkhidmatan dan lain-lain upacara yang berkaitan dengan agama Islam.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku tetamu kehormat majlis berucap demikian semasa Majlis Penyampaian Surat Lantikan Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau Sesi 2025 Hingga 2027 dan Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di masjid berkenaan, malam tadi.

Menurut Yang Berhormat, Alhamdulillah majlis penyerahan surat lantikan kepada ahli-ahli takmir yang telah dipilih, diadakan malam ini, oleh itu, sayugialah diingat akan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam ayat 18, Surah At-Taubah di mana

tafsirnya adalah memfokuskan kepada dua perkara, pertama ialah memakmurkan masjid dan kedua ialah tentang orang yang tergolong sebagai orang yang memakmurkan masjid.

"Secara ringkasnya perkara yang pertama iaitu memakmurkan masjid ialah menjadikan masjid itu ramai didatangi atau dikunjungi, berkeadaan baik dan sentiasa dijaga atau dipelihara termasuklah kebersihan dan keindahannya.

Sementara perkara kedua pula ialah orang yang mendarati masjid itu adalah dengan keimanannya kepada Allah dan hari akhirat, melaksanakan perintah bersembahyang dan membayar zakat serta bersifat dan bersikap berani dengan hanya takut kepada Allah. Maka dengan yang sedemikian itu orang yang memakmurkan masjid sayugianya akan tergolong sebagai orang - orang yang mendapat hidayah daripada Allah, al-Muhtadin," ujar Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama lagi.

Tegas Yang Berhormat, AJKT akan sentiasa mengingati ajaran dalam ayat tersebut khasnya adalah mengenai perkara memakmurkan atau mentakmirkan masjid. Ia, tambah Yang Berhormat lagi, memfokuskan kepada sifat dan sikap orang-orang yang memakmurkan masjid dan dengan itu mengisyaratkan tentang keperluan usaha dibuat bagi mentakmirkan masjid.

Seramai 52 orang menerima surat lantikan AJKT Masjid bagi Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau bagi Sesi 2025 hingga 2027 dan cenderahati yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

AJKT sesebuah masjid memainkan peranan yang sama

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



pentingnya dengan pegawai masjid. Kerjasama dan komitmen AJKT masjid amat diperlukan dalam menjayakan aktiviti takmir masjid kerana setiap kejayaan tidak akan dapat dicapai jika hanya satu pihak yang mengendalikannya.

Justeru dengan kerjasama kedua-dua pihak ini akan menjadikan masjid lebih gilang-gemilang dengan penganjuran pelbagai aktiviti takmir yang bukan hanya berbentuk peraduan dan pertandingan tetapi meliputi pentakmiran yang berkaitan dengan pelaksanaan ibadah seperti sembahyang lima waktu, kuliah-kuliah ilmu dan lain-lain lagi.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok, Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji

Ibrahim dan Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abd. Karim serta Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamsol bin Haji Omar.

Juga hadir, Penaung AJKT Masjid An-Na'im Kampung Panchor Mengkubau, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud.

Majlis tersebut juga dihadiri oleh pengarah-pengarah, para pegawai kanan dan kakitangan di bawah KHEU, AJKT Masjid An-Na'im Kampung Panchor Mengkubau Sesi 2025 hingga 2027 serta penduduk-penduduk kampung di sekitarnya.

Majlis Doa Kesukuran penubuhan Jabatan Penjara Ke-71



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesukuran di Masjid As-Salam, Kampung Junjongan (atas dan kanan).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Alishahrin Haji Mumin, Ihsan Jabatan Penjara

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 29 April. - Sebagai acara tahunannya sempena memperingati penubuhan Jabatan Penjara Ke-71 tahun yang diraikan setiap 1 Mac, Jawatankuasa Keagamaan Jabatan Penjara telah mengadakan Majlis Doa Kesukuran di Masjid As-Salam, Kampung Junjongan.

Hadir selaku tetamu kehormat

majlis, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Turut hadir ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Pemangku Pengarah Penjara, Awang Bahrin bin Haji Mohammad Yassin, Ketua-ketua Jabatan dan pegawai-pegawai




kanan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri serta Peliharaan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dibacakan oleh Pemangku Ketua Imam Masjid As-Salam, Awang Mohammad Azri bin Abdullah @ Abdul Rahman.

Siin dan Doa Kesukuran dan Doa Peliharaan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang disempurnakan oleh tetamu kehormat kepada Awang Mohammad Azri.

Acara diteruskan lagi dengan penyampaian sumbangan barang wakaf berupa satu set meja dan kerusi untuk menyampaikan ceramah yang disempurnakan oleh tetamu kehormat kepada Awang Mohammad Azri.

NBD, KESULTANAN OMAN TANDATANGANI MOU DALAM BIDANG MEDIA



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II semasa menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Kesultanan Oman dalam bidang media (atas), manakala gambar kanan, bergambar ramai selepas menandatangani MoU di antara NBD dan Kesultanan Oman dalam bidang media.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri

MUSCAT, KESULTANAN OMAN, Selasa, 29 April. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusof telah mengadakan Lawatan Kerja ke Kesultanan Oman selama tiga hari pada 28 hingga 30 April 2025 dan seterusnya menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Negara Brunei

Darussalam dan Kesultanan Oman dalam bidang media.

Penandatanganan MoU berkenaan itu adalah merupakan salah satu acara sempena ulang tahun ke-40 penubuhan hubungan diplomatik antara Negara Brunei Darussalam dan Kesultanan Oman pada tahun 2024, serta sebagai hala tuju ke arah meningkatkan lagi hubungan dua hala antara kedua-dua buah negara yang sedia ada.



Majlis Penandatanganan MoU telah berlangsung di Kementerian Penerangan Kesultanan Oman di Muscat. Ini adalah kali ketiga MoU tersebut diperbaharui dan melaluinya, kedua-dua belah pihak akan menggalakkan kerjasama dalam pelbagai bidang media termasuk pertukaran bahan radio, televisyen serta berita dan program-program yang berkepentingan bersama; kepakaran; serta pembinaan kapasiti.

Sebelum majlis penandatanganan tersebut, Yang

Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II telah mengadakan kunjungan muhibah kepada Menteri Penerangan Kesultanan Oman, Tuan Yang Terutama Dr. Abdullah bin Nasser bin Khalifa Al Harrasi.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II dan Tuan Yang Terutama Dr. Abdullah bin Nasser kemudiannya bersama-sama beredar ke bilik mesyuarat bagi Majlis Penandatanganan, dan ini diikuti dengan lawatan ke beberapa studio di Oman TV.

Lawatan Kerja Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II ini juga akan memuatkan kunjungan ke Muscat Book Fair serta lawatan ke beberapa tempat-tempat menarik di Oman iaitu Royal Opera House, National Museum of Oman, dan Sultan Qaboos Grand Mosque.

Menyertai Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II sepanjang Lawatan Kerja ke Oman ialah Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Awang Ajman bin Haji Meludin.

Komite memperkasa perlindungan radiasi, persediaan kecemasan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



YANG Mulia Pemangku Menteri di Jabatan Perdana Menteri juga selaku Pengurus Lembaga Pengarah SHENA semasa hadir pada majlis pelancaran rasmi kemudahan berkenaan (atas dan atas kanan).

>> Muka 1

RDSL berperanan sebagai pusat perkhidmatan pemantauan tahap pendedahan radiasi kepada para pekerja dan kawasan kerja yang melibatkan penggunaan sinaran radiasi.

Sementara itu, Pegawai I SHENA, Dayang Hamizah binti Haji Mohd. Yunos ketika ditemu bual menjelaskan, RDSL ialah kemudahan kebangsaan pertama di NBD yang ditubuhkan khusus untuk menyediakan perkhidmatan pemantauan dos radiasi.

Menurutnya, makmal tersebut memainkan peranan penting dalam melindungi pekerja radiasi dengan memastikan pendedahan mereka kekal dalam had selamat dan yang telah ditetapkan oleh peraturan di samping ia juga mengukuhkan peranan SHENA sebagai sebuah Autoriti pengawalseliaan kebangsaan dalam bidang radiasi.

"Makmal ini bertujuan untuk memberikan perkhidmatan kepada lebih 800 pekerja radiasi yang

berdaftar dengan pihak SHENA merangkumi sektor penjagaan kesihatan, industri dan akademik.

Golongan penerima manfaat termasuk ahli fizik perubatan, juruterapi radiasi, juru X-ray, petugas perubatan nuklear, serta individu yang terlibat dalam ujian tidak musnah dan bidang berkaitan radiasi yang lain," ujarnya.

Beliau seterusnya menjelaskan, SHENA merancang untuk memperluaskan perkhidmatan makmal itu termasuk pemantauan dos radiasi untuk anggota badan (*extremity*), mempertingkatkan sistem pengurusan data, dan terus menambah baik kualiti serta liputan perkhidmatan. Dalam jangka masa panjang, makmal ini juga berpotensi menyokong inisiatif latihan kebangsaan.

Manakala GDRMS pula jelasnya, diwujudkan hasil sokongan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) melalui projek di bawah Program Kerjasama Teknikal (TCP) yang bertujuan memperkuuh kesiapsiagaan dan tindak balas kecemasan serta keupayaan teknikal pemantauan radiasi NBD.

Ini merupakan stesen GDRMS pertama di negara ini, menandakan satu pencapaian penting dalam memperkuuhkan infrastruktur pemantauan radiasi negara.

Jelasnya lagi, lokasi stesen tersebut dipilih dengan teliti berdasarkan faktor strategik seperti kepadatan penduduk, kawasan berisiko radiasi, serta pertimbangan meteorologi dan geografi yang relevan.

Beliau menambah, GDRMS akan terus memperluaskan jumlah stesen pemantauan di seluruh NBD dan memperkuuh keupayaan analisis data untuk memastikan dapatkan yang lebih

tepatt dan cepat.

SHENA juga katanya berhasrat meningkatkan kesedaran awam serta memperluas program pendidikan berkaitan keselamatan

radiasi. Kerjasama berterusan dengan IAEA dan rakan-rakan ASEAN akan terus menyokong pembangunan dan peluasan sistem ini.



جاین فرانځن ایکونومی دان ستاتیستک
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL EHRAI PENGETAHUA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"boleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna



MAJLIS KEAGAMAAN SEMPENA HARI SEDUNIA BAGI KESELAMATAN, KESIHATAN TEMPAT KERJA



Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



YANG Mulia Pemangku Menteri di Jabatan Perdana Menteri juga selaku Pengurus Lembaga Pengarah SHENA semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Bacaan Ratib Al-Attas bersempena dengan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2025 (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 28 April. - Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) telah mengadakan Majlis Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Bacaan Ratib Al-Attas bersempena

dengan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2025 bertempat di Masjid Ash-Shaliheen.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato

Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu juga selaku Pengurus Lembaga Pengarah SHENA.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Ratib Al-Attas, diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah.

Tujuan majlis tersebut adalah bagi memohon keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala agar dijauhkan daripada sebarang kemalangan maut, kecederaan dan penyakit tempat kerja di Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir, Ahli-ahli Lembaga Pengarah SHENA, Pengurusan Kanan SHENA, para pegawai dan kakitangan SHENA, serta para pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Eratkan silaturahim, semangat ukhuwah melalui Sambutan Hari Raya

Siaran Akhbar dan Foto : Mahkamah-Mahkamah Syariah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 28 April. - Mahkamah-mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri baru-baru ini menganjurkan Sambutan Hari Raya Aidilfitri Mahkamah-mahkamah Syariah bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-mahkamah Syariah, di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ketua Hakim Syar'ie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Awang Haji Besar.

Turut hadir di majlis tersebut, Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Hakim-hakim Syar'ie, Pemangku Pengarah Jabatan Kehakiman Negara, Pendaftarpendaftar, dan pegawai-pegawai dari Jabatan Kehakiman Negara serta seluruh warga Mahkamah

Syariah.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan doa oleh Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah, Awang Mohammad Arif bin Haji Sabtu, diikuti dengan ucapan daripada Pengurus Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Mahkamah-mahkamah Syariah bagi Tahun 1446H / 2025M.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan persembahan tausyeh daripada mahasiswa dan mahasiswi Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, tayangan video rakaman lakonan pegawai-pegawai Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (SkPPA) dan video ucapan daripada warga Mahkamah-mahkamah Syariah.

Majlis juga diserikan dengan tayangan video ucapan daripada seluruh warga Mahkamah-mahkamah Syariah di seluruh negara serta beberapa aktiviti lain bagi memeriahkan majlis tersebut.

Sambutan Hari Raya Aidilfitri Mahkamah-mahkamah Syariah



YANG Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syar'ie hadir selaku tetamu kehormat pada Sambutan Hari Raya Aidilfitri Mahkamah-mahkamah Syariah bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-mahkamah Syariah.

merupakan acara yang diadakan setiap tahun bersempena Hari

Raya Aidilfitri yang bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturahim dan

semangat ukhuwah seluruh warga Mahkamah-mahkamah Syariah.


سوروهنجای فرخمنت عوام
 SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
 JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PENTING

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.


Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja



DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education and lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

BARU



JABATAN PENERANGAN ADAKAN MAJLIS MEMBACA SURAH YAA SIIN DAN TAHLIL



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 29 April. - Jabatan Penerangan petang tadi mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil sempena sambutan memperingati

penubuhannya yang ke-73 tahun di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini.

Majlis keagamaan berkenaan khusus bagi ayahanda dan bonda serta paduka anakanda Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam; Al-Marhumah Duli

Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Hadir ialah Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri (JPM),

YANG Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) semasa hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil.

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Turut hadir, Pemangku Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali, pegawai-pegawai kanan JPM, para Pegawai Perhubungan Awam dan pegawai serta kakitangan Jabatan Penerangan.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran.

Pada usianya sudah mencecah 73 tahun, Jabatan Penerangan terus memainkan peranan pentingnya iaitu khususnya dalam membarigakan maklumat, dasar, program dan aktiviti kerajaan yang sahih dan sebagai platform perantaraan di antara rakyat dan kerajaan.

Meraikan warisan budaya negara serumpun



DUTA Besar Istiema dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke NBD hadir selaku tetamu-tetamu khas pada Program Budaya Tiga Serumpun bagi tahun 2025.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 28 April. - Radio Televisyen Brunei (RTB) menjadi tuan rumah bagi Program Budaya Tiga Serumpun bagi tahun 2025 dengan kerjasama Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan Radio Republik Indonesia (RRI) bermula hari ini hingga 2 Mei 2025.

Sehubungan itu, majlis bagi meraikan dan mengalau-alukan kedatangan rombongan daripada RTM dan RRI diadakan malam ini bertempat di Tingkat 2, Wafa Hotel & Apartment, di sini.

Hadir selaku tetamu-tetamu khas ialah Duta Besar Istiema dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Achmad Ubaedillah dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke

NBD, Tuan Yang Terutama Datuk Mohd. Aini bin Atan.

Turut hadir ialah Pemangku Pengarah RTB, Awang Cheong Chee Keong; pegawai daripada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta pegawai-pegawai kanan RTB.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengurus Program Budaya Tiga Serumpun, RTB, Dayang Salmi binti Haji Ibrahim; diikuti dengan ucapan daripada Pengurus Radio Klasik, RTM, Encik Ku Mohamad Arafat bin Ku Mustafa selaku Ketua Delegasi RTM; dan Direktur Program & Produksi, RRI, Bapak Mistam selaku Ketua Delegasi RRI.

Setelah itu, majlis diteruskan dengan menyaksikan Video Pelancaran Program Budaya Tiga Serumpun 2025. Sejurus selepas sesi

penyampaian cenderamata, persembahan pentas juga diadakan bagi memeriahkan majlis.

Sepanjang berada di negara ini, ahli rombongan berkenaan akan sama-sama menjayakan penerbitan drama dan pantun, selain lawatan ke tempat-tempat menarik.

Bagi memastikan kesinambungan perlaksanaan Program Budaya Tiga Serumpun lebih teratur dan berkesan, para delegasi dan negara tuan rumah sama-sama berbincang dalam mesyuarat penyelarasan penerbitan rancangan Perjanjian Persefahaman (MoU) RTB/RTM/RRI ke arah penambahbaikan daripada segi konsep dan kandungan rancangan.

Semangat kerjasama, kreativiti dan profesionalisme, RTB, RTM



PEMANGKU Pengarah Radio Televisyen Brunei (RTB) semasa menyampaikan cenderamata kepada penerima. Manakala gambar bawah, sebahagian yang hadir di majlis tersebut.



dan RRI akan terus dapat menghasilkan kandungan berkualiti serta rancangan-rancangan yang dekat di hati masyarakat ketiga-tiga negara.

Objektif program antara lain adalah bagi mengerat hubungan serumpun iaitu untuk mengukuhkan hubungan

persahabatan dan kerjasama antara NBD, Malaysia, dan Indonesia dengan memberi fokus penghasilan kandungan yang meraikan warisan budaya, bahasa, dan sejarah bersama yang menjadi identiti bersama dalam kalangan negara-negara serumpun.

Kanak-Kanak Melakukan Larangan Ketika Berihram

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

BADAH haji dan umrah diwajibkan ke atas setiap orang yang telah memenuhi syarat-syarat wajib haji dan umrah. Antara syarat wajib haji dan umrah itu ialah baligh dan berakal. Sekiranya seseorang itu tidak memenuhi syarat tersebut, maka tidak wajib ke atasnya ibadah haji dan umrah.

Antara orang yang tidak wajib ke atasnya ibadah haji dan umrah itu ialah kanak-kanak (الأطفال) kerana kanak-kanak adalah orang yang belum mencapai usia baligh. Meskipun demikian, ibadah haji atau umrah bagi kanak-kanak tetap sah akan tetapi ia tidak menggugurkan tuntutan haji atau umrah fardhu.

Orang yang berihram haji atau umrah wajib meninggalkan perkara-perkara yang diharamkan ketika berihram. Begitu juga dengan kanak-kanak sebagaimana kata Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *al-Idha fi Manasik al-Hajj wa al-'Umrah*:

Ertinya : Kanak-kanak yang berihram dilarang daripada (melakukan) larangan-larangan ketika berihram.

Persoalannya, adakah diwajibkan fidyah jika kanak-kanak melakukan perkara yang dilarang ketika berihram? Irsyad Hukum kali ini akan menjelaskan mengenainya.

Golongan kanak-kanak terbahagi kepada dua iaitu *mumayyiz* dan belum *mumayyiz*. Maksud kanak-kanak yang *mumayyiz* adalah kanak-kanak yang sudah tahu membezakan antara perkara baik dan buruk manakala kanak-kanak yang belum *mumayyiz* pula adalah kanak-kanak yang

belum tahu membezakan antara perkara baik dan buruk.

Kanak-kanak yang belum *mumayyiz* jika dia melakukan perkara yang dilarang ketika berihram tidak dikenakan sebarang fidyah ke atasnya atau ke atas walinya. Berbeza halnya bagi kanak-kanak yang *mumayyiz*, maka diwajibkan membayar fidyah dengan menggunakan harta wali. Walau bagaimanapun, kewajipan membayar fidyah tersebut tertakluk lagi kepada jenis larangan yang dilakukan. Berikut adalah jenis-jenis larangan ketika berihram dan akibat melakukannya :

1. Larangan yang berbentuk *taraffuh* (berseronok, berhias dan bercantik-cantik) semata-mata seperti memakai wewangian, memakai pakaian yang dilarang ketika berihram dan meminyaki rambut.

Sekiranya kanak-kanak yang *mumayyiz* melakukan jenis larangan ini dengan sengaja dan dalam keadaan mengetahui akan keharaman melakukannya dan mengetahui bahawa dia sedang berihram, maka diwajibkan membayar fidyah dengan menggunakan harta wali. Begitu juga jika larangan tersebut dilakukan oleh wali sendiri pada kanak-kanak yang *mumayyiz* seperti wali dengan sengaja memakaikan wewangian kepada kanak-kanak yang *mumayyiz* sekalipun kerana keperluan dan maslahat kanak-kanak tersebut.

Berlainan halnya sekiranya kanak-kanak yang *mumayyiz* itu melakukan jenis larangan ihram ini tanpa sengaja seperti kerana lupa bahawa dia sedang berihram atau lupa atau jahil akan keharaman melakukannya, maka tidak dikenakan fidyah.

2. Larangan yang berbentuk *itlaf* (merosakkan) semata-mata seperti larangan memburu atau membunuh

binatang darat yang liar yang boleh dimakan dan juga larangan memotong tumbuh-tumbuhan di Tanah Haram.

Sekiranya kanak-kanak yang *mumayyiz* melakukan larangan *itlaf* ini sama ada dengan sengaja atau tanpa sengaja dan sama ada dalam keadaan mengetahui akan keharaman melakukannya dan mengetahui bahawa dia sedang berihram atau tidak mengetahuinya, maka diwajibkan membayar fidyah dengan menggunakan harta wali.

3. Larangan yang berbentuk *taraffuh* dan juga *itlaf* akan tetapi lebih kepada *itlaf* seperti memotong rambut dan memotong kuku.

Sekiranya kanak-kanak yang *mumayyiz* melakukan jenis larangan ini sama ada dengan sengaja atau tanpa sengaja dan sama ada dalam keadaan dia mengetahui akan keharaman melakukannya dan mengetahui bahawa dia sedang berihram atau tidak mengetahuinya, maka diwajibkan membayar fidyah dengan menggunakan harta wali.

4. Larangan yang berbentuk *taraffuh* dan *itlaf* akan tetapi lebih kepada *taraffuh* seperti melakukan persetubuhan.

Sekiranya kanak-kanak yang *mumayyiz* melakukan jenis larangan ini dengan sengaja dan dalam keadaan mengetahui akan keharaman melakukannya dan mengetahui bahawa dia sedang berihram, maka diwajibkan membayar fidyah dengan menggunakan harta wali. Berlainan halnya dengan kanak-kanak *mumayyiz* yang melakukan larangan ini tanpa disengajakan atau kerana jahil akan keharaman melakukannya dan tidak mengetahui bahawa dia sedang berihram, maka tidak dikenakan apa-apa fidyah.

Namun, khusus dalam perkara


 IRSYAD HUKUM
 حِكَمَةٌ مُفْتَنَةٌ كَلِمَاتٌ مُبَرِّأةٌ
 Jabatan Mufti Kerajaan
 Jabatan Perdana Menteri
 Negara Brunei Darussalam
 Website : www.mufti.gov.bn
 E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

persebutuan, jika ia dilakukan dengan sengaja dan tidak terpaksa dan dalam keadaan mengetahui akan keharaman melakukannya dan mengetahui bahawa dia sedang berihram, maka kedudukan ibadah umrahnya rosak jika dia melakukan persetubuhan itu sebelum selesai mengerjakan umrah. Demikian juga kedudukan ibadah haji kanak-kanak yang *mumayyiz* tersebut rosak jika persetubuhan itu dilakukan sebelum tahallul awal manakala jika ia dilakukan selepas tahallul awal, ibadah hajinya tidak rosak akan tetapi wajib membayar fidyah.

Bagi ibadah haji atau umrah kanak-kanak *mumayyiz* yang rosak, ibadah yang rosak tersebut wajib diqadha' di samping diwajibkan membayar kaffarah (fidyah), iaitu menyembelih seekor unta dengan menggunakan harta wali.

Demikian penjelasan mengenai kanak-kanak yang melakukan larangan ketika berihram.

Bekerja ikhlas raih keredaan Allah

منجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلو لأن قوسة دعوه اسلاميه

ALlah Subhanahu Wata'alā mencipta manusia adalah untuk beribadah kepada-Nya, di samping diberi tanggungjawab dan amanah untuk memakmurkan bumi ini mengikut acuan dan panduan yang telah ditetapkan. Dia tidak mendapat apa-apa faedah atau keuntungan daripada apa yang dilakukan oleh manusia melainkan semua amalan tersebut kembali untuk diri mereka sendiri. Firman Allah Subhanahu Wata'alā dalam Surah Adz-Dzaariyat, ayat 56 hingga 58 yang terjemahannya :

"Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan hanya untuk menyembah Aku. Aku sekali-kali tidak menghendaki rezeki daripada mereka dan Aku tidak menghendaki mereka memberi Aku makan. Sesungguhnya Allah, Dialah pemberi rezeki yang mempunyai kekuatan yang teguh".

Agama Islam menggalakkan umatnya supaya bekerja dengan bersungguh-sungguh bagi meningkatkan kesejahteraan kualiti diri, keluarga, masyarakat dan negara dan Islam mendorong

serta memandang rendah kepada orang yang malas bekerja dan hanya bergantung nasib kepada pertolongan orang lain.

Sewajarnya kita menilai kerja-kerja yang telah kita lakukan selama ini. Adakah ianya bertepatan dengan kehendak ajaran Islam dan dikira sebagai amal ibadah serta amal salih di sisi Allah Subhanahu Wata'alā. Dan amat malang dan rugi sekali sekiranya apa yang kita lakukan selama ini tidak mendapat apa-apa balasan dari Allah Subhanahu Wata'alā. Segala pekerjaan baik yang dilakukan oleh manusia dengan hati yang ikhlas dan tidak bercanggah dengan prinsip ajaran Islam, ia adalah satu tuntutan dan dikira sebagai ibadah serta mendapat pahala.

Kerana itu, Islam sangat menitikberatkan unsur kecemerlangan dan kualiti dalam sesuatu pekerjaan. Pekerja yang cemerlang merupakan aset yang bernilai dan membawa imej yang baik kepada sesebuah organisasi.

Keikhlasan adalah antara ciri pekerja yang cemerlang di samping rajin, tekun, berdisiplin, amanah, sabar, penyayang,

bertanggungjawab, dan dapat memberikan perkhidmatan yang memuaskan kepada pelanggan dan sebagainya. Mereka yang bersikap suka membuat masa, menyalahgunakan kuasa dan

kedudukan, tidak menyimpan rahsia, pecah amanah, melakukan rasuah dan sebagainya adalah melambangkan sikap pekerja yang tidak berintegriti dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang dianamanahkan.

Sekiranya sifat seumpama ini

tidak dibendung, ia boleh

diibaratkan sebagai duri dalam

daging dan akhirnya akan

merugikan majikan dan diri sendiri,

bahkan anak-anak dan keluarga

juga turut merasainya.

Jadilah pekerja yang bertanggungjawab, ikhlas dalam

bantu membantu antara satu sama

lain dalam erti kata bekerja sebagai

satu pasukan dan bersaing dalam

suasana yang dibenarkan oleh

syarak.

Hindarilah sifat-sifat negatif seperti suka menyalahkan orang lain, dan beranggapan dirinya sahaja yang betul dalam semua keadaan, melakukan pembaziran dan berbalu-balul kosong sesama rakan sekerja dan suka menonjolkan diri, berbanding sumbangan yang diberikan terlalu kecil.

Apa yang penting tujuan dan matlamat bagi setiap pekerjaan adalah ikhlas semata-mata kerana Allah untuk meraih keredaan dari-Nya dalam setiap amalan dan pekerjaan yang kita lakukan sehari-hari.



JANGAN MUDAH MENYALAKAN LAMPU AMARAN BAHAYA (HAZARD LIGHTS)

Awda perlu ketahui bahawa ia hanya boleh dinyalakan dan digunakan atas sebab-sebab kecemasan

BDMD
Brunei Darussalam Meteorological Department

منجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلو لأن قوسة دعوه اسلاميه

Jangan mudah menyalakan lampu amaran bahaya (hazard lights)

selamatkan usus awda. Lakukan pemeriksaan kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

www.met.gov.bn



Selamatkan Usus Awda. Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

KEMENTERIAN KESEHATAN
MINISTRY OF HEALTH

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

www.met.gov.bn

MENGUKUHKAN SILATURAHIM, ERATKAN HUBUNGAN PENDUDUK KAMPUNG



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) hadir selaku tetamu khas pada majlis tersebut (atas kanan). Manakala gambar atas, Ketua Kampung Bunut Perpindahan semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang penerima.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Bunut Perpindahan

BUNUT, Selasa, 29 April. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Bunut Perpindahan, Ikatan Persatuan Belia Bunut (IKERAB) bersama para penduduk Kampung Bunut Perpindahan baru-baru ini menganjurkan Majlis Ramah

Mesra Hari Raya Aidilfitri berlangsung di Markas Persatuan IKERAB, di sini.

Hadir selaku tetamu khas bagi sama-sama menyerikan lagi majlis berkenaan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang



Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, selaku Penghulu Mukim Lumapas, Daerah Brunei dan Muara.

Ketua Kampung Bunut Perpindahan, Awang Mohammad Khairoul Johani bin Haji Jumat, selaku Pengurus Majlis mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada para penduduk kampung yang hadir bagi sama-sama memeriahkan majlis berkenaan.

Di samping menikmati pelbagai juadah, majlis juga

diserikan dengan nyanyian beramai-ramai daripada penduduk kampung serta cabutan nama bertuah.

Pada majlis berkenaan, Ketua Kampung Bunut Perpindahan juga menyampaikan sijil penghargaan kepada para penyumbang bagi acara Karnival Santai Keluargaku Kampung Bunut Perpindahan 2024.

Majlis berkenaan antara lain bertujuan untuk mengukuhkan silaturahim dan mempererat hubungan antara penduduk

kampung, pemimpin masyarakat, dan keluarga masing-masing selain memberi peluang untuk semua lapisan masyarakat, termasuk warga emas dan belia, berkumpul dan bergembira sempena Hari Raya.

Pada masa yang sama, majlis berkenaan juga bagi menghargai sumbangan penduduk dengan mengiktiraf usaha dan sumbangan ahli masyarakat dalam memajukan kampung serta memupuk semangat perpaduan dan kebersamaan.



MINDA PEMBACA

Galakkan belia ceburi bidang pertanian

SEKTOR pertanian memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara. Walaupun demikian, sektor ini menghadapi cabaran utama iaitu kekurangan penglibatan golongan belia. Oleh itu, adalah wajar untuk memperkuatkkan galakan kepada belia untuk menceburikan diri ke dalam pertanian, bukan sahaja untuk meningkatkan hasil pengeluaran makanan, tetapi juga untuk memastikan kelestarian dan kemandirian negara dalam sektor ini pada masa depan.

Salah satu faktor utama yang menjadikan pertanian sebagai pilihan menarik bagi belia adalah potensi pendapatan yang tinggi. Dengan

kemajuan teknologi moden, pertanian kini tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada kaedah tradisional. Penggunaan teknologi canggih seperti sistem pengairan pintar, pertanian vertikal, dan automasi dalam pengurusan ladang telah membuka peluang untuk meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos pengeluaran. Oleh itu, belia yang terlibat dalam bidang ini mampu menghasilkan produk pertanian yang lebih efisien dan memenuhi permintaan pasaran, baik dalam negara maupun luar negara.

Selain itu, sektor pertanian juga menawarkan peluang kepada belia untuk menjadi usahawan yang berjaya. Dengan sokongan dan insentif

daripada kerajaan, seperti latihan, bantuan kewangan, serta akses kepada teknologi dan pasaran, golongan belia berpeluang untuk mengembangkan perniagaan mereka sendiri. Ini bukan sahaja menyediakan peluang pekerjaan, tetapi juga membantu meningkatkan taraf hidup golongan muda, terutamanya di kawasan luar bandar.

Penglibatan aktif belia dalam sektor pertanian juga mempunyai impak yang besar terhadap ketahanan makanan negara. Dengan lebih ramai belia yang terlibat dalam pengeluaran makanan, kebergantungan terhadap import dapat dikurangkan, sekali gus memastikan negara memiliki keupayaan untuk menghasilkan

bekalan makanan yang mencukupi dan berkualiti. Ini juga akan membantu memperkuatkkan ekonomi negara dengan meningkatkan pendapatan daripada hasil pertanian dan memperluaskan pasaran.

Kesimpulannya, galakan kepada belia untuk menceburkan diri ke dalam pertanian adalah langkah penting dalam membangunkan sektor ini dan memastikan masa depan negara yang lebih mampan. Dengan sokongan yang berterusan daripada kerajaan, sektor swasta, serta masyarakat, belia dapat memanfaatkan peluang dalam bidang pertanian untuk meningkatkan kesejahteraan diri dan negara.

Nama : Mohammad Azrin bin Mohammed Asli
No. K/P : 01-082XXX



Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Menjamin Kesihatan, Kesejahteraan Ibu & Anak.' Tarikh Tutup : 30 April 2025
- 'Persiapan Menghadapi Krisis Ekonomi Global.' Tarikh Tutup : 7 Mei 2025
- 'Impak Kenaikan Kos Sara Hidup.' Tarikh Tutup : 14 Mei 2025

Termasuk Syarat :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Rumah mangsa kebakaran kini siap dibangun semula

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Ihsan Awang Raimi Awang Rashid



جایتے چولجا بروئی دالسلام

BDMD
Brunei Darussalam Meteorological Department

MEDEMA
Meteo-Data & Environmental Monitoring Agency

ELAKKAN MEMANDU DI LORONG KANAN

Kenderaan lain yang datang dari arah berlawanan mungkin akan melanggar lopak air lalu ia akan menyebabkan air terpercik memenuhi cermin hadapan kereta dan menghalang penglihatan anda

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara semasa hadir pada lawatan ke rumah-rumah mangsa kebakaran Kampung Setia 'B' (atas, kiri dan bawah kiri).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 28 April. - Rumah-rumah mangsa kebakaran Kampung Setia 'B' yang ditimpa musibah tahun lalu kini telah siap dibangunkan semula sepenuhnya.

Justeru, beberapa pihak berkenaan termasuk Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) serta Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) baru-baru ini mengadakan lawatan ke rumah-rumah mangsa berkenaan.

Rombongan lawatan dihadiri oleh Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Mohammad Ameer Mubarak bin Pengiran Haji Hashim; Pengarah Urusan BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri; Penghulu Mukim Zon 2 Kampong Ayer, Awang Raimi bin Awang Rashid; Pemangku Ketua Kampung Zon 3 Kampong Ayer, Awang Rahman bin Haji Kassim

serta pegawai-pegawai dan kakitangan JDBM.

Kesiapan pembinaan semula itu juga atas sumbangan JDBM dan BIBD dalam memberikan sumbangan bagi membangun semula rumah-rumah yang terjejas.

Sumbangan dari pihak BIBD adalah daripada segi pelbagai jenis kayu untuk membangun rumah, membina semula jambatan di kawasan terjejas serta penyambungan semula bekalan elektrik bagi sembilan buah rumah.

Semasa lawatan tersebut, pihak BIBD berkesempatan memberikan sumbangan barang asasi kepada sembilan buah rumah yang terjejas bagi keperluan mereka.

Awang Raimi bagi mewakili mangsa-mangsa kebakaran rumah mengucapkan ribuan terima kasih

kepada pihak BIBD atas kesemua sumbangan yang telah dihulurkan dalam sama-sama memeduli mereka yang memerlukan bantuan dan menjaga kemaslahatan yang terjejas.

Katanya, tidak lupa juga ribuan terima kasih kepada pihak-pihak kerajaan yang juga menghulurkan bantuan iaitu pihak JDBM, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB) dan persatuan-persatuan serta orang ramai yang telah banyak membantu mereka yang terjejas daripada segi sumbangan makanan, kewangan dan sebagainya bagi sama-sama meringankan beban ke semua mangsa.



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri (atas). Manakala gambar kiri, antara persembahan oleh ahli-ahli Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Tutong.

Oleh : Hernie Suliana Haji Othman
Foto : Alishahrin Haji Mumin

memekarkan semangat kerja berpasukan di organisasi berkenaan.

Kerja berpasukan ini, tambahnya, mempunyai banyak kelebihan kerana ia saling bergantung daripada segi keupayaan, kepakaran, kemahiran dan pengetahuan setiap ahli pasukan yang membawa manfaat kepada budaya bekerjasama dalam PKWE.

Antara lain tujuan majlis diadakan ialah sebagai tanda

kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala, mengeratkan dan mengukuhkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga PKWE, mewujudkan sikap kerjasama dan seterusnya memberi peluang dan kesempatan bersua muka sesama ahli untuk bermaknaan.

Majlis tersebut turut dimeriahkan dengan acara pentas persembahan oleh ahli-ahli PKWE, dan menikmati jamuan sambil beramah mesra sesama para jemputan.



TUTONG, Isnin, 28 April. - Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Tutong hari ini mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bertemakan Nostalgia 60-an yang diadakan di bangunan PKWE, Bukit Bendera, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri. Acara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Allah Peliharakan Sultan dan lagu PKWE 'Warga Emas Ceria' oleh

ahli-ahli PKWE yang hadir, diikuti ucapan alu-aluan daripada Pengurus PKWE Tutong, Awang Haji Hamaffi bin Md. Yassin, selaku Penggerusi Majlis.

Dalam ucapannya, Awang Haji Hamaffi berharap majlis tersebut secara tidak langsung akan terus

TERAPKAN KEIKHLASAN, AMANAH MENJALANKAN TUGAS

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 28 April. - Majlis Istiadat Mengurniakan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman, pagi tadi menyaksikan penganugerahan pingat-pingat kehormatan kepada individu-individu yang telah menunjukkan dedikasi dan komitmen tinggi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka.

Sehubungan itu, Pelita Brunei sempat menemu bual beberapa penerima pingat pada majlis berkenaan.

Penerima Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B), Awang Mohd.



PEGAWAI Waran 2 (B) Awang Mohammad Ariffin bin Awang Timbang semasa ditemu bual.

Fadzillah bin Haji Abu Bakar yang telah berkhidmat selama 13 tahun di Jabatan Kehakiman Negara semasa ditemu bual merasa terharu dan bersyukur atas penghargaan yang diterimanya.

"Ini adalah pengiktirafan yang sangat bermakna bagi saya setelah berkhidmat sekian lama," ujar beliau.

Beliau seterusnya berkongsi tentang cabaran yang dihadapi ketika mula-mula bertugas, di mana banyak perkara yang belum diketahui, namun pengalaman dan keberanian untuk mencuba akhirnya membolehkan beliau mengatasi cabaran tersebut.

Beliau turut menekankan pentingnya niat yang ikhlas dalam setiap pekerjaan.

Menurutnya, bekerja dengan

keikhlasan dan berani menghadapi kesilapan adalah kunci kejayaan dalam setiap tugas.

Bagi Dayang Asnah binti Haji Diwa, yang telah berkhidmat selama 31 tahun di Jabatan Penerangan, anugerah yang diterima merupakan satu penghargaan yang sangat bernilai.

"Saya merasa sangat gembira dan bersyukur atas pemberian penghargaan ini, yang memberi saya lebih semangat untuk meningkatkan lagi prestasi kerja saya," kata beliau dengan penuh rasa terharu.

Sebagai seorang operator telefon di Jabatan Penerangan, beliau sering menghadapi cabaran dalam berurusan dengan pelanggan. Namun, beliau percaya bahawa untuk mencapai kejayaan, seseorang perlu bekerja dengan penuh komitmen, tekun, dan disiplin.

"Keikhlasan, jujur, dan amanah dalam menjalankan tugas adalah

asas untuk menjadi penjawat awam yang baik," katanya.

Beliau juga memberi nasihat kepada generasi muda agar memanfaatkan masa muda mereka dengan perkara-perkara yang berfaedah, seperti terlibat dalam kerja-kerja kebaikan, dan mengelakkan pembaziran waktu pada perkara-perkara yang tidak memberi manfaat.

Sementara itu,



Pegawai Waran 2 (B) Awang Mohammad Ariffin bin Awang Timbang, yang

menerima Pingat Pahlawan Periwira, semasa ditemu bual mengongsikan pengalaman beliau sepanjang 24 tahun berkhidmat dalam Angkatan Bersenjata

DAYANG Asnah binti Haji Diwa semasa ditemu bual.

Diraja Brunei.

"Alhamdulillah, saya merasa teruja kerana jasa saya diingat dan dihargai," katanya.

Beliau menjelaskan, di antara pengalaman yang paling mencabar adalah semasa mengikuti misi pengamanan di Pulau Mindanao, Filipina, ketika dunia dilanda pandemik COVID-19.

Beliau seterusnya mengingatkan generasi muda agar sentiasa berusaha untuk memberi sumbangan yang terbaik demi negara, dan tidak takut menghadapi cabaran dalam menjalankan tugas mereka.

AWANG Mohd. Fadzillah bin Haji Abu Bakar semasa ditemu bual.

Kerjasama sepadu tangani isu pemerdagangan orang



Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 28 April. - Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menghadiri bengkel berkaitan

jenayah pemerdagangan orang: 'ASEAN Workshop on Strengthening the Transnational Investigative Cooperation under

Head Of Specialist Anti-Trafficking Unit (HSU) Process Mechanism' bermula 23 hingga 24 April lalu di Kuala Lumpur, Malaysia.

Bengkel ini merupakan salah satu inisiatif di bawah ASEAN



SESI bergambar ramai pada 'ASEAN Workshop on Strengthening the Transnational Investigative Cooperation under Head Of Specialist Anti-Trafficking Unit (HSU) Process Mechanism' (kiri). Sementara gambar atas, sekitar bengkel berkenaan yang bermula pada 23 hingga 24 April lalu di Kuala Lumpur, Malaysia.

Multi-Year Work Plan 2024 - 2028 yang mana telah disahkan *ad referendum* oleh ASEAN Senior Officials Meeting on Transnational Crime (SOMTC) pada 12 Ogos 2024 yang bertujuan untuk mengukuhkan kerjasama dalam kalangan negara anggota ASEAN bagi menangani isu utama dalam memerangi pemerdagangan orang di rantau ini.

Bengkel telah dihadiri oleh wakil daripada Unit Siasatan Pemerdagangan Manusia, Jabatan Siasatan Jenayah Pasukan Polis Diraja Brunei, Bahagian Sekuriti dan Undang-Undang di Jabatan Perdana Menteri, dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

Objektif bengkel bertujuan untuk meningkatkan dan mengukuhkan kerjasama penyiasatan rentas sempadan di antara agensi penguatkuasaan undang-undang dan SOMTC focal person di bawah mekanisme

HSU di rantau ASEAN. Selain itu juga turut bertujuan untuk mengukuhkan proses pengoperasian Terma Rujukan HSU dengan mengemas kinikan proses penyiasatan rentas sempadan dua hala dan serantau ke dalam mekanisme Proses HSU.

Program juga memperlihatkan kepentingan usaha kolektif ASEAN untuk memerangi pemerdagangan orang, memperkuuh kerjasama serantau dan komitmen melindungi golongan rentan (*vulnerable group*).

Seramai 33 orang dari 11 buah negara termasuk Timor-Leste selaku pemerhati (*observer*) telah menyertai bengkel selama dua hari tersebut.

Wakil daripada Negara Brunei Darussalam telah membentangkan semasa sesi perkongsian maklumat yang bertajuk 'Transnational Trafficking in Persons Case Identification and Formal and Informal Cooperation Mechanisms for Trafficking in Persons Cases among ASEAN Member States'.



SEBAHAGIAN yang hadir pada bengkel tersebut.



JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI

Jemputan Untuk
Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan
Elektrik
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PDP / 089 / 2025

Tajuk Tawaran:
Rectification Of 11KV
Breakdown In Temburong District

Tarikh Tutup:
20 Mei 2025
Selasa,
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen:
BND30.00
Tidak Dikembalikan

Tempat Tutup :
Tender Box
Pengerusi
Lembaga Tarawan Kecil,
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:
Mempunyai pendaftaran syarikat
dengan Kementerian
Pembangunan dalam Kelas 3, 4
atau 5, dalam Kategori E03 dan
mempunyai pekerja yang
berdaftar dengan JPE dalam
kategori E03.

Dokumen-dokumen tawaran
dan penerangan yang lanjut
bolehlah diperoleh dari **Bahagian
Kaunter Unit Tawaran,
Tingkat 4, Jabatan
Perkhidmatan Elektrik,
Jabatan Perdana Menteri.**

Perhatian:
Sila sertakan salinan
“Business Names Enactment,
1958 – Section 16 & 17” dan Sijil
Pendaftaran Pemborong (MOD)
semasa menghantar
dokumen ini ke Jabatan
Perkhidmatan Elektrik.



Jemputan Untuk
Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan
Elektrik
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PDP / 009 / 2025

Tajuk Tawaran:
Wayleave Maintenance Of 28ft /
35ft Of 415V / 11kV Overhead
Line And Poles In Temburong
District

Tarikh Tutup:
20 Mei 2025
Selasa,
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen:
BND30.00
Tidak Dikembalikan

Tempat Tutup :
Tender Box
Pengerusi
Lembaga Tarawan Kecil,
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:
Mempunyai pendaftaran syarikat
dengan Kementerian
Pembangunan dalam Kelas 3,4
atau 5, dalam Kategori E03 dan
mempunyai pekerja yang
berdaftar dengan JPE dalam
kategori E03.

Dokumen-dokumen tawaran
dan penerangan yang lanjut
bolehlah diperoleh dari **Bahagian
Kaunter Unit Tawaran,
Tingkat 4, Jabatan
Perkhidmatan Elektrik,
Jabatan Perdana Menteri.**

Perhatian:
Sila sertakan salinan
“Business Names Enactment,
1958 – Section 16 & 17” dan Sijil
Pendaftaran Pemborong (MOD)
semasa menghantar
dokumen ini ke Jabatan
Perkhidmatan Elektrik.



Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2025 – 2026 / 03

Tajuk Tawaran:
“JKP/SH/2025-2026/03:
Penginapan Bagi Lawatan -
Lawatan Suai kenal Jabatan
Kemajuan Pelancongan dalam



tempoh satu tahun mulai Mei 2025
hingga April 2026”

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 1 Mei 2025
Jam 2.00 Petang



UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI

1. UNISSA / SB0001 / 2025 / 2026

Mencetak dan Menghantar
Buku-Buku Terbitan Universiti
Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)
Press Januari 2025

2. UNISSA / SB0002 / 2025 / 2026

To Supply, Deliver Research Items
And Provide Services For Unissa
Research Grant Titled “Exploring
Bruneian Macro Feed Nutrients
And Its Economic Analysis To
Formulate The Biogenic Fish
Feed”

3. UNISSA / SB0003 / 2025 / 2026

To Supply And Deliver
Research Items For Unissa
Research Grant Titled “Developing
Bio-Nano Silver As A Novel
Antimicrobial Agent Using The
Extract Of Selected Plants From
Brunei Darussalam”

4. UNISSA / SB0004 / 2025 / 2026

To Supply, Delivery And
Installation Fixtures, Fitting &
Equipments For Universiti Islam
Sultan Sharif Ali (UNISSA)
Residential College

5. UNISSA / SB0007 / 2025 / 2026

Kerja-kerja Logistik Sempena
Persidangan Antarabangsa
Mazhab Syafi'i (PAnMAS)
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA) 2025

Tarikh Tutup :
Rabu, 14 Mei 2025

UNISSA / SB0008 / 2025 / 2026

Perkhidmatan Penyediaan dan
Penyajian Jamuan Sepanjang
Persidangan Antarabangsa
Mazhab Syafi'i (PAnMAS)
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA) 2025

Tarikh Tutup :
Rabu, 14 Mei 2025



JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAH
DALAM NEGERI

Jawatan Kosong Sebagai
Penghulu Mukim Tingkat III -
PMKK.4
(BND3,880 - BND4,240)

Bagi
Daerah Tutong

Mukim Rambai

Adalah dimaklumkan bahawa
Jabatan Daerah Tutong,
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri dengan sukacitanya
mempelawa dan menjemput
penduduk-penduduk yang
bermastaun di Daerah Tutong
untuk menghadapkan pencalonan
bagi mengisikan jawatan sebagai
Penghulu Mukim Rambai,
Daerah Tutong.

Tatacara Menghadapkan
Borang Pencalonan:

Keterangan lanjut dan borang
pencalonan boleh didapati dan
dikembalikan ke alamat
seperti berikut:-

Aunu Rofik
- Defendan / Responden

Kepada : Aunu Rofik - No.
Pasport : U 849373 (Indonesia),
Beralamat (Alamat Terakhir) :
Tidak Diketahui.

Kamu adalah dengan ini
disamai supaya hadir secara
sendiri atau melalui Peguam
Syarie kamu di hadapan
Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Brunei dan Muara pada
Isnin, 14 Zulkaedah 1446H
bersamaan 12 Mei 2025M pada
jam 2.15 Petang untuk menjawab
tuntutan terhadap kamu oleh
plaintif yang dinamakan di atas,
bagi Tuntutan Cerai Ta'liq.

Sila ambil perhatian bahawa
jika kamu ingkar hadir di
mahkamah pada hari dan masa

1. UNISSA / SB0005 / 2025 / 2026

To Replace, Supply And Install
New Air-Conditioning Unit System
For Universiti Islam Sultan Sharif
Ali (UNISSA) Campus Gadong –
[Class: 1 & Above] &
[Category: M01]

2. UNISSA / SB0006 / 2025 / 2026

To Replace, Supply And Install
New Air-Conditioning Unit System
For Universiti Islam Sultan Sharif
Ali (UNISSA) Campus Sinaut –
[Class: 1 & Above] &
[Category: M01]

Tarikh Tutup :
Rabu, 14 Mei 2025



Bahagian Institusi Mukim
dan Kampung
Jabatan Daerah Tutong
Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan
borang pencalonan adalah pada
Isnin, 2 Jun 2025, jam 4.00
Petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah
menghubungi melalui talian +673
4222491 sambungan 110 / 111
atau alamat E-mel kepada
imk.jdt@tutong.gov.bn



yang ditetapkan, Mahkamah boleh
meneruskan untuk mendengarkan
dan memutuskan kes tanpa
kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian
bahawa jika kamu ingin membela
diri terhadap tuntutan tersebut,
kamu hendaklah memfaiklan di
Mahkamah ini dan menyampaikan
kepadा Plaintiff suatu pembelaan
dalam Borang yang ditetapkan
sebelum tarikh yang disebut di
atas atau hadir di Mahkamah
pada tarikh itu.

Bertarikh :
10 Ramadan 1446H /
11 Mac 2025M

Meterai
Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Brunei dan Muara
Negara Brunei Darussalam

Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah 2005

Saman Gantian
Dalam Mahkamah
Rendah Syariah
Di Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam

Saman No. :
BM / MRS / P012A / P012A /
0090 / 02-2025

Kes Induk :
BM / MRS / MAL-B / MAL-B /
S009A / 0091 / 02-2025

Antara

Rasidah binti Haji Puteh
- Plaintiff / Pemohon

Dan



Dibukakan Kepada
Pemborong-pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
Open

Kategori :
KPB11A Kod Baharu

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
6 Mei 2025

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 07 / STE / 2025-T /
II

Nama Projek:
'Structural Integrity' Bagi
Bangunan Di Kawasan
Perumahan Balai Polis Berakas
(Bloks G dan Blok H)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
20 Mei 2025,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



Dibukakan Kepada
Pemborong-pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
Open

Kategori :
KPB11A Kod Baharu

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
6 Mei 2025

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 06 / STE / 2025-T /
II

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membuat Pulih
Struktur Besi Bagi Tangki
Air Sentosa

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
20 Mei 2025,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
V sahaja

Kategori :
KA01

Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran :
30 April 2025

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :

Selasa,
20 Mei 2025,
Jam 3.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
27 Mei 2025,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DOR / SRM 07 / 2025

Nama Projek:
Membuat Pulih Jalan dan
Tambak Di Sepanjang Jalan
Temada

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
IV & V sahaja

Kategori :
KPB 17 / KPB 18

Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran :
30 April 2025

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :

Selasa,
20 Mei 2025,
Jam 3.00 Petang.



Tajuk Tawaran:
The Supply, Delivery,
Installation And Testing Of
Frequency Recording System For
Air Traffic Backup Sets At
Department Of Civil Aviation
ATELS / 2025 / SH - 22

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
30 April 2025, Rabu

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
6 Mei 2025, Selasa

Tarikh Tutup Sebut Harga:

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
27 Mei 2025,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DOR / BBA 08 / 2025

Nama Projek:
Menilai Kondisi Struktur
Jambatan

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)



7 Mei 2025, Rabu
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa
Sebut Harga
d/a Aras Bawah, Bangunan Ibu
Pejabat
Jabatan Penerangan Awam
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



mempelawa dan menjemput
penduduk-penduduk yang
bermastaunin di kampung yang
tersenarai di atas bagi untuk
menghadapkan pencalonan bagi
mengisikan jawatan sebagai
Ketua-Ketua Kampung.

**Tatacara Menghadapkan
Borang Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang
pencalonan boleh didapati dan
dikembalikan ke alamat seperti
berikut:-

**Bahagian Institusi
Mukim dan Kampung
Jabatan Daerah Tutong
Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan
borang pencalonan adalah pada
**Isnin, 2 Jun 2025
jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah
menghubungi melalui talian +673
4222491 sambungan 110 / 111
atau alamat E-mel kepada
imk.jdt@tutong.gov.bn



Bilangan Tawaran:
JBKBS / GP / TI / 2025 - (1)

Tajuk:
Permohonan Cadangan Tawaran
Pengurusan dan Pengendalian
Bagi Gerai Perayaan Sempena
Sambutan Perayaan Ulang Tahun
Hari Keputeraan KDYMM Ke-79
Tahun Bagi Daerah Belait

Tarikh Tawaran Di Buka:
Rabu, 23 April 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 13 Mei 2025, Jam
12.00 Tengah Hari.



1. Keterangan Projek:
Supply And Delivery Of Dust
Bin For Bahagian Perkhidmatan,
Jabatan Bandaran Kuala Belait
dan Seria

Bilangan Tawaran:
01 / BBS / DBBPJBKBS / 2025
- 2026

2. Keterangan Projek:
Remove Of Litters During And
After Majlis Ramah Mesra
Bersama Rakyat At Padang
Bandaran Kuala Belait
Sempena Sambutan Perayaan
Ulang Tahun Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam Yang Ke-79 Tahun
Peringkat Daerah Belait,
Tahun 2025

Bilangan Tawaran:
01 / BBS / SH / 2025 – 2026

3. Keterangan Projek:
Remove Of Litters At Gerai



Perayaan Kawasan Tudung Saji
Jalan Setia Diraja Sempena
Sambutan Perayaan Ulang Tahun
Keputeraan Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam Yang
Ke-79 Tahun Peringkat Daerah
Belait, Tahun 2025

Bilangan Tawaran:
02 / BBS / SH / 2025 - 2026

Dibukakan kepada
pemborong-pemborong yang
berdaftar dengan Kementerian
Pembangunan Negara Brunei
Darussalam

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Non-Refundable)

Tarikh Tutup :
14 Mei 2025



Jawatan Kosong Sebagai

Ketua Kampung Tingkat I
PMKK.3
(BND2,270 - BND4,240)

Atau

Ketua Kampung Tingkat II
PMKK.2
(BND1,990 - BND2,970)

Atau

Ketua Kampung Tingkat III
PMKK.1
(BND1,280 - BND2,270)

bagi

Daerah Tutong

1. Kampung Petani, Mukim
Pekan Tutong
2. Rancangan Perumahan
Negara Bukit Beruang Kawasan 2,
Mukim Telisai
3. Kampung Merimbun, Mukim
Rambai
4. Kampung Pengkalan Mau,
Bakiau dan Batang Mitus, Mukim
Kiudang

Adalah dimaklumkan bahawa
Jabatan Daerah Tutong,
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri dengan sukaritanya

IKLAN



Tawaran Tapak Bagi Menjalankan Perusahaan Pengeluaran Tomato Menggunakan Teknologi Tinggi / Moden Seluas 5 Hektar Di Kawasan Kemajuan Pertanian Daerah Brunei dan Muara

Bilangan : 04 / 2025

TAWARAN bagi mempelawa pengusaha-pengusaha untuk menghadapkan permohonan bagi menyewa tapak di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) seperti berikut :-

Lokasi :
Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Tungku B Daerah Brunei dan Muara.

Keterangan Tapak:
Lot H1-2

Keluasan: 5 hektar

Syarat:
Bagi menjalankan kegiatan perusahaan pengeluaran tomato menggunakan teknologi tinggi / moden (greenhouse, fertigasi, pengairan titis)

Tempoh Iklan: 4 minggu

Tarikh Mula Iklan:
 Isnin, 21 April 2025

Tarikh Berakhir Iklan:
 Isnin, 19 Mei 2025

Tarikh Akhir Menghantar:
 Isnin, 16 Jun 2025
 sebelum jam 3.00 Petang

Harga Penjualan Borang:
BND1.00 / barang



Tawaran Tapak Bagi Menjalankan Perusahaan Pengeluaran Tomato Menggunakan Teknologi Tinggi / Moden Seluas 5 Hektar Di Kawasan Kemajuan Pertanian Daerah Brunei dan Muara

Bilangan : 05 / 2025

TAWARAN bagi mempelawa pengusaha-pengusaha untuk menghadapkan permohonan bagi menyewa tapak di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) seperti berikut :-

Lokasi :
Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Tungku B Daerah Brunei dan Muara.

Keterangan Tapak:
Lot H1-3

Keluasan: 5 hektar

Syarat:
Bagi menjalankan kegiatan perusahaan pengeluaran tomato menggunakan teknologi tinggi / moden (greenhouse, fertigasi, pengairan titis)

Tempoh Iklan: 4 minggu

Tarikh Mula Iklan:
 Isnin, 21 April 2025

Tarikh Berakhir Iklan:
 Isnin, 19 Mei 2025

Tarikh Akhir Menghantar:
 Isnin, 16 Jun 2025
 sebelum jam 3.00 Petang

Harga Penjualan Borang:
BND1.00 / barang



1. Bilangan Tawaran:
JDT / UTS / HK-79 / 2025 / 04

Tajuk Tawaran:
Repair and Repainting Works To Royal Dais, VVIP Grandstand (Wing A And Wing B), Medic Building And Toilet Block At Jalan Pengiran Ahmad Tutong, Negara Brunei Darussalam

2. Bilangan Tawaran:
JDT / UTS / HK-79 / 2025 / 05

Tajuk Tawaran:
Repair and Repainting Works To Dewan Seri Kenangan, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong

3. Bilangan Tawaran:



JDT / UTS / HK-79 / 2025 / 06

Tajuk Tawaran:
Supplying And Installation Of New Polycarbonate Solid Roofing Sheet Walkway At Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Daerah Tutong

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup :
Rabu, 7 Mei 2025



DA / JKSH / 10 / 2025 / 2026
[BPPA-APRIL-2025]

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1.) Sekolah Rendah Panglima Berudin, Limau Manis
2.) Sekolah Rendah Masin Kementerian Pendidikan. Daerah Brunei Muara. Kod Blok : SM/23
Bagi Tempoh Tiga (3) Bulan

DA / JKSH / 11 / 2025 / 2026
[BPPA-APRIL-2025]

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1.) Sekolah Rendah Bebuloh
2.) Sekolah Rendah Kasat
3.) Sekolah Rendah Putat
4.) Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid, Menunggol
5.) Sekolah Rendah Tanjung Kindana

Kementerian Pendidikan.

Daerah Brunei Muara.

Kod Blok : SM/27

Bagi Tempoh Tiga (3) Bulan

DA / JKSH / 12 / 2025 / 2026
[BPPA-APRIL-2025]

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Makan Bagi :
1.) Sekolah Rendah Panchong
2.) Sekolah Rendah Benutan Kementerian Pendidikan. Daerah Tutong.
Kod Blok : MKN/03
Bagi Tempoh Tiga (3) Bulan

DA / JKSH / 13 / 2025 / 2026
[BPPA-APRIL-2025]

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Permakanan Sekolah Bahagian Asrama Makan Bagi :
1.) Sekolah Rendah DMS Dian Sukang
2.) Sekolah Rendah Melilas Kementerian Pendidikan. Daerah Belait.
Kod Blok : AM/01
Bagi Tempoh Tiga (3) Bulan

DA / JKSH / 14 / 2025 / 2026
[BPPA-APRIL-2025]

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Asrama Kering Bagi Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Gadong Kementerian Pendidikan. Daerah Brunei Muara.
Kod Blok : AK/01
Bagi Tempoh Tiga (3) Bulan

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu :
Sabtu,
3 Mei 2025
Jam 9.00 Pagi



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam

Kelas III, IV & V

Kategori S07

Tarikh Buka Tawaran pada:
30 April 2025 (Rabu)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
20 Mei 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup Pada :
27 Mei 2022 (Selasa)
Sebelum Jam : 2.00 Petang

(Di Tutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BL / T008 / 2025
Kerja-Kerja Pemotongan dan Pencantasan Pokok Untuk Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun (FSOR) – Zon C.

No. Projek :
JASTRE / BL / T008 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran :
BND30.00 (Non Refundable)



1. Bilangan Tawaran:
JDT / UTS / HK-79 / 2025 / 04

Tajuk Tawaran:
Repair and Repainting Works To Royal Dais, VVIP Grandstand (Wing A And Wing B), Medic Building And Toilet Block At Jalan Pengiran Ahmad Tutong, Negara Brunei Darussalam

2. Bilangan Tawaran:
JDT / UTS / HK-79 / 2025 / 05

Tajuk Tawaran:
Repair and Repainting Works To Dewan Seri Kenangan, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong

3. Bilangan Tawaran:


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas:
IV (III & IV) sahaja

Kategori:
KA01 Sahaja – Kod Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 017 / 2025 –
(SEW).T.IV

Nama Projek:
Menaik Taraf Loji Rawatan
Kumbahan Los Tanjong,
Kuala Belait

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
13 Mei 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
24 Jun 2025,
Tidak lewat dari
jam 2.00 Petang


**JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWA
DALAM NEGERI**

Nama Projek:
EOI NO: JDBM / EOI / 01 /
2025

Expression Of Interest (EOI)
For Proposed Development Of
Kampong Ayer Footbridge
Daerah Brunei Dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup:
Selasa, 13 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang.


**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2025 – 2026 / 03

Tajuk Tawaran:
Penginapan Bagi Lawatan -
Lawatan Suai kenal Jabatan
Kemajuan Pelancongan dalam
tempoh satu tahun mulai
Mei 2025 hingga April 2026"

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
1 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang.


**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWA
DALAM NEGERI**

1. Bilangan Tawaran:
JDT / UTS / HK-79 / 2025 / 02

Tajuk Tawaran:
Repair Works To VVIP Block At
Kompleks Dewan
Kemasyarakatan Daerah Tutong
Negara Brunei Darussalam

2. Bilangan Tawaran:
JDT / UTS / HK-79 / 2025 / 03

Tajuk Tawaran:
Repair And Repainting Works
At Dewan Utama, Kompleks
Dewan Kemasyarakatan Tutong

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup :
Rabu, 7 Mei 2025


**KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / BPK / JKSH / ADMIN / 1
/ 2025 - 2026

Tajuk Sebut Harga:
To Design, Print, Fabricate,
And Install Posters For
The Ministry Of Primary
Resources And Tourism.

Tarikh Buka Sebut Harga :
17 April 2025, Khamis

Tarikh Tutup Sebut Harga :
22 Mei 2025, Khamis

Jam:
2.00 Petang

**Tarikh Taklimat
(Jika Berkenaan):**
21 April 2025, Isnin

Jam:
Semasa waktu bekerja

Yuran Setiap Satu Sebut Harga :
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian


**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0004 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
To Supply And Delivery Artemia
Cyst To Fishery Research Division

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0005 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Supply Of Repair Work On
Fibreglass And Hdpe Tanks At
Marine Biodiversity Centre,
Meragang

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
15 Mei 2025
jam 2.00 Petang


**JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**
Pemberitahuan Tawaran

Tawaran hendaklah dialamatkan
kepada Pengurusi
Lembaga Tawaran Kecil dan
dimasukkan ke dalam
Peti Lembaga Tawaran Kecil,
KSSUP, Tingkat Bawah,
Bangunan Kementerian
Sumber-Sumber Utama
dan Pelancongan,
Jalan Menteri Besar
BB3910, Negara Brunei
Darussalam:-

Tidak lewat dari jam 2.00 Petang
pada Selasa, 27 Mei 2025.

JPt / TAW / 01 / 2025-2026:
Membekal Baja Sebatian NPK
12:12:17:2 Sebanyak 3,300 Beg
(50kg / Beg) Bagi Bantuan
Insentif Jabatan.

Yuran Tawaran:
BND30.00
Borang Tawaran BND15.00



MENDEKATI MASYARAKAT MELALUI PROGRAM SUA MUKA

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

TEMBURONG, Selasa, 29 April. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Bahagian Cawangan Daerah hari ini mengadakan Program Sua Muka bagi Kampung Rataie, Mukim Bokok, Daerah Temburong.

Program yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie itu dianjurkan sebagai usaha untuk menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa dan dasar kerajaan, sekali gus menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian serta tindakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan.

Rombongan Jabatan Penerangan diketuai oleh Pegawai Penerangan Kanan selaku Ketua Bahagian Cawangan Daerah, Awang Haji Fathi Foad bin

Dato Seri Setia Haji Abu Bakar. Manakala, Ketua Kampung Rataie, Awang Khairul Anwar bin Haji Juma'at mengetuai pihak kampung berkenaan.

Turut hadir bagi menyampaikan taklimat kepada para penduduk kampung ialah pegawai-pegawai dari Jabatan Pertanian dan Agrimakan; Jabatan Saliran dan Pembetungan; juga Jabatan Jalan Raya dan Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Kerja Raya.

Dalam mukadimahnya, ketua rombongan Jabatan Penerangan menekankan mengenai peranan jabatan tersebut sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan dalam menyampaikan apa jua maklumat terkini, dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa kepada rakyat serta penduduk di negara ini melalui beberapa landasan termasuk Program Sua Muka dan juga terbitan akhbar rasmi, Pelita Brunei.



PEGAWAI Penerangan Kanan selaku Ketua Bahagian Cawangan Daerah semasa berucap pada Program Sua Muka bagi Kampung Rataie, Mukim Bokok, Daerah Temburong.

Salah satu program di bawah strategi kerja Jabatan Penerangan iaitu Komunikasi Bersemuka dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan - rakyat dan rakyat - kerajaan dengan membarangkan

maklumat serta mengendalikan program hubungan masyarakat yang dapat menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan mukim atau kampung.

Program Sua Muka turut diisi dengan perkongsian maklumat

daripada agensi yang dijemput dan sesi dialog bersama penduduk kampung mengenai isu-isu yang dibangkitkan antaranya berkaitan dengan prasarana, pertanian dan kemudahan awam.



ANTARA yang berucap pada Taklimat Kesihatan yang diadakan di Dewan Persidangan Bridex, Jerudong.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

JERUDONG, Selasa, 29 April. - Bagi menyampaikan maklumat dan pengetahuan kepada bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) agar mempersiapkan diri mereka dengan langkah awal menjaga kesihatan diri masing-masing sebelum bertolak ke Tanah Suci, Jabatan Urusan Haji (JUH), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan kerjasama Unit Perkhidmatan Perubatan Haji, Kementerian Kesihatan mengendalikan Taklimat Kesihatan

bagi bakal-bakal jemaah haji.

Taklimat diadakan di Dewan Persidangan Bridex, Jerudong, pagi tadi.

Taklimat juga bertujuan memberi penerangan mengenai penjagaan kesihatan wanita ketika mengerjakan ibadah haji di Tanah Suci dan bagi mendapatkan maklumat serta nasihat tentang penyakit atau permasalahan kesihatan yang sering dihadapi bagi memastikan bakal jemaah haji sentiasa dalam keadaan sihat

Taklimat Kesihatan bagi bakal jemaah haji

sejahtera dan selesa apabila melaksanakan ibadat haji nanti.

Di samping itu, turut diterangkan ialah mengenai kepentingan mematuhi sebarang dasar dan peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi dan perkhidmatan-perkhidmatan yang akan disediakan kepada bakal-bakal jemaah haji semasa di Tanah Suci.

'Taklimat Kesihatan Umum' disampaikan oleh Konsultan Perubatan, Kementerian Kesihatan, Dr. Awang Haji Aziman bin POKMKDPS Haji Yaakub selaku Ketua Rombongan Perubatan Haji; dan Konsultan Pembedahan, Kementerian Kesihatan, Dr. Mohammad Abdul Hafiz bin Haji Yakob selaku Timbalan Ketua Rombongan Perubatan Haji.

Manakala 'Taklimat Kesihatan Wanita' disampaikan oleh Pegawai Perubatan Kanan, Kementerian Kesihatan, Dr. Siti Nuruliza binti Awang Hidup; dan Pegawai Perubatan, Kementerian Kesihatan, Dr. Qatriah binti Nokman. Kedua-duanya adalah selaku Pegawai Pejabat Urusan



SEBAHAGIAN yang hadir pada taklimat berkenaan.

Jemaah Haji - Perubatan.

Bagi Musim Haji Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi, seramai 20 Pegawai Perubatan NBD terdiri daripada enam doktor dan 14 jururawat dilantik sebagai Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji - Perubatan yang akan mengiringi bakal jemaah haji NBD.

Dengan adanya taklimat

seumpama berkenaan, diharapkan bakal jemaah haji NBD akan dapat mengambil langkah awal untuk menjaga kesihatan diri masing-masing dengan mematuhi segala nasihat yang diberikan supaya jemaah haji semua sentiasa dalam keadaan selesa dan sihat sejahtera sepanjang melaksanakan ibadat haji.

Produk kesihatan dicemari bahan terlarang



BAHAGIAN Farmasi, Jabatan Perkhidmatan Makmal Saintifik, Kementerian Kesihatan telah mendapat bahawa HKT Fatz Blocker dicemari dengan Sibutramine iaitu bahan terlarang / bahan racun berjadual yang tersenarai dalam Akta Racun 1956 yang tidak diisytiharkan.

Siaran Akhbar dan Foto: Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 28 April. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan

kepada orang ramai supaya tidak menggunakan produk kesihatan HKT Fatz Blocker yang mana

hasil daripada ujian makmal Bahagian Farmasi, Jabatan Perkhidmatan Makmal Saintifik, Kementerian Kesihatan telah mendapat bahawa produk tersebut dicemari dengan Sibutramine iaitu bahan terlarang / bahan racun berjadual yang tersenarai dalam Akta Racun 1956 yang tidak diisytiharkan.

Bahan pencemar dalam produk berkenaan boleh mengakibatkan kesan-kesan mudarat yang membahayakan kesihatan.

Sibutramine adalah agen pelangsing badan yang tidak lagi disarankan penggunaannya dalam rawatan obesiti kerana kesannya yang boleh memudaratakan jantung dan hati.

Pengambilan sibutramine juga boleh menyebabkan kesan advers yang serius seperti tekanan darah tinggi, denyutan jantung yang tidak menentu dan sukar untuk tidur; dan dalam kes-kes yang paling teruk, ia boleh menyebabkan kerosakan pada buah pinggang dan hati.

Kementerian Kesihatan tidak pernah mengeluarkan kebenaran

ke atas pengimportan bagi penjualan produk tersebut.

Berikut dapatan ini, produk berkenaan adalah dilarang untuk diimport dan dijual di Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang telah membeli atau memakan produk tersebut adalah dinasihatkan untuk memberhentikan pengambilannya dengan serta-merta.

Jika mereka mengalami kesan advers dan merasa tidak sihat selepas memakan produk berkenaan, hendaklah berjumpa doktor dengan segera.

Orang ramai yang terlibat dalam penjualan produk tersebut (termasuk penjualan secara online seperti melalui Facebook dan sebagainya) adalah diingatkan bahawa ia adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Racun 1956 untuk menjual mana-mana produk yang mengandungi bahan yang dikawal di bawah Akta berkenaan dan boleh dikenakan denda sebanyak BND8,000 atau penjara enam bulan, jika didapati bersalah.

Tambahan pula, jika seseorang melakukan sesuatu di atas kecualiannya sendiri yang membahayakan atau mungkin membahayakan nyawa manusia, jika didapati bersalah, akan didenda sebanyak BND16,000 dan 12 bulan penjara.

Kementerian Kesihatan juga ingin memohon kerjasama daripada orang ramai untuk melaporkan kepada Bahagian Komplians dan Perlesenan jika mendapati produk berkenaan masih dipasarkan di negara ini.

Untuk maklumat dan perhubungan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Komplians dan Perlesenan melalui talian telefon +673 2393301 sambungan 208; menghantar e-mel kepada: pharmacy.enforcement@moh.gov.bn; berjumpa terus Pegawai Komplians dan Perlesenan di Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kg. Madaras, Mukim Gadong A; atau hubungi Talian Darussalam 123.

Muka 2

PELITA BRUNEI, Hari Rabu 21 April, 1965.

MAJLIS MASHUARAT NEGERI MELULUSKAN SHUR2 BAGI PERKEMBANGAN PERLEMBAGAAN

BANDAR BRUNEI. — Di-dalam Mashuarat Pertama dari Musim Permashuaratan Kelima bagi Majlis Meshuarat Negeri yang telah di-adakan pada 26 Ogos, 1964 Majlis Mashuarat Negeri Brunei telah meluluskan shur2 bagi perkembangan perlembagaan.

Peringkat pertama dari shur2 ini telah di-lamatkan dengan jayanya, ia-itu kedua2 pilehan raya kapada Majlis Mashuarat Daerah dan Majlis Mashuarat Negeri telah di-adakan. Dari itu peringkat yang akan di-jalankan selepas ini ia-lah memulakan Sistem Kementerian di-dalam mana Ahli2 Yang Di-pileh akan bersama2 mengambil peranan.

Maka dengan tujuan ini-lah yang Perlembagaan telah baharu2 ini di-pinda supaya Majlis Mashuarat Kerajaan yang dahulu akan di-gantikan dengan Majlis Mashuarat Menteri2.

Dari itu berikutan dengan Perlembagaan maka Majlis Mashuarat Menteri2 akan mengandongi enam orang Ahli2 Rasmi Kerajaan Jawatan (ex-officio) dan empat orang ahli2 yang lain yang kesemua-nya dari Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri.

Sa-telah Majlis Mashuarat Menteri2 ini di-tubohkan maka tindakan akan di-perbuat untuk membahagi2kan tanggong-jawab2 yang tertentu kepada tiap2 ahli.

Dalam sa-tengah2 perkara, mithalan-nya Peguam Negara, Pegawai Kewangan Negara dan Penasihat Ugama, tanggong-jawab2 mereka ini kebanyakannya telah di-tetapkan oleh undang2 yang di-adakan, tetapi Menteri Besar pada masa ini adalah bertanggong-jawab kapada Sultan bagi menjalankan semua Kuasa Memerentah dalam Negeri, Sistem Kementerian yang baharu ini akan meletakkan tanggong-

Pembukaan Rasmi Majlis Mashuarat Daerah Tutong

TUTONG. — Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah merasmikan pembukaan Majlis Mashuarat Daerah Tutong yang telah di-langsungkan dalam satu upacara di-Asrama Sekolah2 Melayu Tutong pada pagi 19 April, 1965.

Sa-belum merasmikan pembukaan majlis tersebut, beliau telah menerima tabek kehormatan dari Pasukan Pulis Brunei dan sa-lepas itu Ahli2 Majlis mashuarat tersebut di-perkenalkan kepada beliau.

Dalam uchapan beliau di-upacara itu, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusuf menasihatkan kepada ahli2 Majlis Mashuarat tersebut supaya mereka menggunakan kuasa2 yang ada pada mereka dengan berpandukan kepada undang2 dan landasan2 Perlembagaan Negeri.

Beliau menjelaskan bahawa perubahan di-negeri ini ada-lah bergantong kepada kemajuan politik dan ahli2 politik harus

Setiausaha Tetap, suatu jawatan pentadbiran dari perkhidmatan awam.

Di-bawah penyusunan ini soalan kanan pangkat di-antara Setiausaha Tetap itu dan Ketua2 Pejabat di-dalam "portfolio" Menteri itu tidak-lah akan ter-timbuk.

Setiausaha Tetap barang sudah tentu-lah akan menasihatkan Menteri2 di-dalam segala perkara yang datang kapada Kementerian-nya tetapi keputusan akan di-perbuat oleh Menteri itu sendiri dan Setiausaha Tetap akan menjadi sebagai saluran perhubungan sahaja.

Wakil2 "BAKTI" Akan Menghadiri Kursus Pemimpin2 Belia Sa-Negeri Brunei

KAMPONG PEKAN LAMA — Persatuan Badan Kesatuan Tunas Ibunda (BAKTI) Kampong Pekan Lama, Brunei telah melaik seramai 7 orang Pegawai2 persatuan itu dalam Mashuarat Jawatan Kuasa Tadbir-nya baharu2 ini untuk menghadiri Kursus Pemimpin2 Belia Sa-Negeri Brunei yang akan di-adakan di-Maktab Anthony Abell, Seria dalam bulan Mei akan datang.

Wakil2 BAKTI yang akan menghadiri kursus tersebut adalah seperti berikut:

Awangku Shamsu bin Pengiran Haji Kadar (Yang Dipertua), Pengiran Jamaluddin bin Pengiran Omar (Naib Yang Dipertua I), Awang Md. Salleh bin Abdul Latif (Naib Setia Usaha Agong II), Awangku Mahmud bin Pengiran Damit (Setia Usaha Pelajaran dan Persuratan), Awang Metussin bin Haji Seruddin (Setia Usaha Sosial), Awang Mohammad bin Abdul Hamid (Naib Setia Usaha Sosial) dan Awangku Hassan bin Pengiran Yussof (Setia Usaha Penerangan).

Setia Usaha Agong BAKTI Awangku Badaruddin bin Pengiran Haji Damit akan juga ikut serta dalam kursus tersebut. Ia akan bertugas sa-bagai saorang daripada Jawatan Kuasa Kursus itu. — Berita kiriman Setia Usaha Agong BAKTI.

memikirkan dan mensesuaikan diri dengan keadaan negeri menerusi aliran politik yang waras.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusuf menegaskan lagi bahawa perubahan dan kesedaran politik yang sehat untuk masa depan bagi Negeri Brunei ada-lah bergantong kepada satu faktor yang sangat penting ia-itu kekalnya keamanan.

Uchapan alu2an yang mengandungi nasehat yang berguna kapada ahli2 majlis mashuarat itu telah di-sampaikan oleh Pengurus Majlis Mashuarat Daerah Tutong, Awang Johari bin Abdul Razak.

Waktu2 Sembahyang, Amsak Dan Mata - Hari Terbit

Waktu2 sembahyang, amsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 21 April hingga ka-hari Juma'at 30 April, 1965 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari Bulan	Amsak	Suboh	Matahari Terbit	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha
21	4.43	4.57	6.11	12.25	3.40	6.31	7.43
22	4.43	4.57	6.11	12.25	3.40	6.31	7.43
23	4.42	4.56	6.10	12.25	3.40	6.31	7.43
24	4.42	4.56	6.10	12.25	3.40	6.31	7.43
25	4.42	4.56	6.10	12.25	3.40	6.31	7.43
26	4.41	4.55	6.09	12.24	3.39	6.31	7.43
27	4.41	4.55	6.09	12.24	3.39	6.31	7.43
28	4.41	4.55	6.09	12.24	3.39	6.31	7.43
29	4.41	4.55	6.09	12.24	3.39	6.31	7.43
30	4.40	4.54	6.08	12.24	3.39	6.31	7.43

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

kerjasama dengan Kerajaan dengan menggunakan Bahasa Melayu di-segala lapangan perniagaan mereka.

Bertambah2 pula, kata beliau, Kerajaan memakai Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi negeri ini, ada-lah tergantong antara-nya atas kerjasama sharikat2 perniagaan tempatan.

Pada keselurohan-nya semua wakil2 yang hadir di-majlis tersebut telah memberikan sokongan penoh terhadap ranchangan Kerajaan menjadikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi negeri ini.

Wakil2 Sharikat2 Perniagaan Sokong Bahasa Melayu Sa-bagai Bahasa Rasmi Negeri Ini

BANDAR BRUNEI. — Beberapa orang wakil2 sharikat2 perniagaan tempatan, dalam satu perjumpaan yang telah di-adakan dengan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Yang Berhormat Awang Haji Jamil pada petang 8 April, 1965 telah menyokong dasar Kerajaan menggunakan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi negeri ini.

Wakil2 itu juga telah berikrar hendak bekerjasama dengan Kerajaan bagi melaksanakan ran-changan tersebut.

Dalam perjumpaan itu, Yang Berhormat Awang Haji Jamil berkata bahawa menurut Undang2 Perlembagaan Negeri Brunei Tahun 1959, Bahasa Melayu ada-lah menjadi Bahasa Rasmi negeri ini dan Kerajaan negeri ini akan menggunakan Bahasa Melayu di-segala lapangan Kerajaan.

Yang Berhormat Awang Haji Jamil berharap agar-nya sharikat2 perniagaan tempatan akan be-

KONGSI PEMAHAMAN MENYELURUH TENTANG PRINSIP, METODOLOGI PERAKAUNAN KARBON



SESI bergambar ramai pada acara pembukaan Bengkel ASEAN mengenai Perakaunan Karbon Hutan yang berlangsung di Centrepoint Hotel, Gadong.

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Ihsan Jabatan Perhutanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 28 April. - Negara Brunei Darussalam (NBD) selaku tuan rumah, amat berbangga dengan warisan alam semula jadinya, terutamanya ekosistem tanah gambut yang kaya dan unik.

Ekosistem ini penting bukan sahaja untuk fungsi ekologi, tetapi juga dalam mengekalkan biodiversiti, mengawal iklim dan menyediakan perkhidmatan ekosistem penting.

Pemeliharaan tanah gambut adalah penting untuk mengekalkan kepelbagaiannya biologi, terutamanya bagi spesies yang disesuaikan secara unik dengan persekitaran ini.

Perkara demikian dinyatakan oleh Pemangku Pengarah Perhutanan, Awang Reni bin Haji Yahya selaku tetamu kehormat semasa acara pembukaan Bengkel ASEAN mengenai Perakaunan Karbon Hutan yang berlangsung di Centrepoint Hotel, Gadong.

Menurut Awang Reni, sebagai sebuah parti kepada Perjanjian Paris, NBD kini berada pada peringkat awal dalam usaha mewujudkan mekanisme penetapan harga karbon.

"Dengan memberi tumpuan awal kepada sektor perhutanan, kami berhasrat untuk memperkenalkan projek perintis bagi menjana kredit karbon melalui pasaran karbon sukarela, sekali gus membuka jalan untuk pelaksanaan mekanisme ini pada masa hadapan."

"Selaras dengan hasrat ini, memperoleh data asas yang tepat mengenai stok karbon sedia ada di negara ini menjadi sangat penting. Data ini akan berfungsi sebagai sumber asas bagi menilai kebolehlaksanaan projek karbon di negara ini," jelasnya.

Oleh itu, tambahnya, NBD



PEMANGKU Pengarah Perhutanan ketika berucap.

sedang meneroka potensi jualan karbon sebagai sumber hasil baharu dalam sektor perhutanan, sejajar dengan Dasar Perubahan Iklim Kebangsaan dan komitmennya di bawah Perjanjian Paris.

Kongsinya lagi, usaha ini juga mendukung Teras Utama 5 Pelan Tindakan Kumpulan Kerja ASEAN mengenai Perubahan Iklim (AWGCC) serta program kerjasama ASEAN-EU Jerman dalam tindakan iklim.

"Sebagai langkah awal, NBD merancang melaksanakan projek perintis dalam pasaran karbon sukarela, dengan tumpuan kepada sektor perhutanan dan ekosistem tanah gambut. Bagi memastikan kejayaan inisiatif ini, pengumpulan data asas yang tepat mengenai stok karbon negara adalah amat penting untuk menilai kebolehlaksanaan projek karbon hutan.

"Selaras dengan matlamat ini, satu latihan selama empat hari telah dirancang untuk memberi pemahaman mendalam mengenai prinsip dan metodologi perakaunan karbon; memperkuuh kemahiran praktikal dalam konteks perhutanan dan tanah gambut dan menggalakkan pertukaran pengetahuan serta kerjasama antara pengamal, pembuat dasar dan penyelidik di ASEAN berkenaan pasaran karbon, standard kredit karbon antarabangsa, dan peranan pentingnya dalam memperkuuh tindakan iklim serantau," ujarnya.

Bengkel anjuran Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Perhutanan dan Jabatan Perdana Menteri melalui Pejabat Perubahan Iklim Brunei (Brunei Climate Change Office - BCCO) dengan sokongan German Agency for International Cooperation melalui ASEAN-German Climate Action Programme (GIZ-CAP) disertai oleh seramai 60 peserta terdiri dari Negara-negara Anggota ASEAN, yang dicalonkan oleh ASEAN Taskforce on Peatlands (ATFP) yang bertanggungjawab dalam perakaunan karbon di hutan dan tanah gambut, dan ASEAN Working Group on Climate Change (AWGCC) yang bertanggungjawab dalam pasaran karbon dan Artikel 6 Perjanjian Paris, serta wakil daripada Sekretariat ASEAN.

Bengkel empat hari bermula 28 April hingga 1 Mei ini merangkumi

topik-topik utama berkaitan perakaunan karbon hutan, dimulakan dengan pengenalan kepada dasar dan piawaian antarabangsa termasuk peranan Artikel 6 Perjanjian Paris dalam menyokong pencapaian Nationally Determined Contribution (NDC) dan pembiayaan iklim melalui pasaran karbon.

Peserta akan didedahkan kepada prinsip asas perakaunan karbon dan kepentingannya dalam mitigasi perubahan iklim.

Sesi teknikal akan memberi tumpuan kepada perakaunan karbon hutan dan tanah gambut, termasuk anggaran pelepasan daripada sektor Land Use, Land-Use Change, and Forestry (LULUCF), kaedah penderiaan jauh (*remote sensing*), pengiraan stok karbon, reka bentuk pensampelan, serta sistem Monitoring, Reporting, and Verification (MRV).

Latihan ini turut membincangkan piawaian utama kredit karbon seperti Verra, Gold Standard dan ART TREES, perbandingan metodologi, serta kajian kes dari negara-negara ASEAN.

Akhir sekali, bengkel ini akan merangkumi keseluruhan kitaran pembangunan projek karbon, iaitu daripada penyediaan reka bentuk projek dan senario asas, ke proses pengesahan, pemantauan serta penilaian impak alam sekitar dan sosial.

Bengkel ini juga akan merangkumi demonstrasi praktikal di hutan tanah gambut iaitu di Hutan Paya Gambut di Badas, Daerah Belait. Aktiviti yang akan dijalankan termasuk pensampelan bagi pengukuran stok karbon dan pengumpulan data untuk penilaian aliran karbon.

Adapun tujuan bengkel diadakan untuk meningkatkan kapasiti peserta agar dapat melaksanakan perakaunan dengan tepat bagi pelepasan karbon dan penyerapan dalam ekosistem perhutanan dan tanah gambut, serta memahami sepenuhnya peluang pasaran berhubung dengan pengimbangan pelepasan karbon; memberi pemahaman yang menyeluruh tentang prinsip dan metodologi perakaunan karbon dan membangunkan kemahiran praktikal dalam mengaplikasikan metodologi ini dalam konteks perhutanan dan tanah gambut.

Bengkel ini adalah selaras dengan inisiatif pihak KSSUP melalui Jabatan Perhutanan berkenaan dengan potensi penjualan karbon bagi

meningkatkan sumbangan kutipan mendukung Kebangsaan strategi Perubahan Iklim

di samping NBD.

Diskaun Mega Buku DBP dilancarkan

Siaran Akhbar dan Foto : Dewan Bahasa dan Pustaka



ANTARA yang hadir pada Diskaun Mega Buku Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (atas dan bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 29 April. - Bagi menyemarakkan Hari Buku Sedunia 2025 yang disambut setiap 23 April, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Penerbitan dan Pemasaran mengadakan Diskaun Mega Buku DBP.

Sehubungan itu, bacaan Doa Selamat dan pembukaan Diskaun Mega Buku DBP disempurnakan oleh Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab.

Jualan buku besar-besaran ini dibukukan kepada kunjungan orang ramai selama dua hari, bermula hari ini hingga esok dari pukul 8.30 pagi hingga 4.30 petang di Stor Dewan Bahasa dan Pustaka, Berakas.

Diskaun Mega Buku DBP menawarkan potongan harga sehingga 80 peratus untuk lebih 900 tajuk buku, majalah dan jurnal, termasuk buku ilmiah dan jurnal akademik; buku cerita kanak-kanak; buku rujukan istilah, daftar kata, kamus, monograf dan pedoman umum; dan bahan bacaan sastera seperti cerpen, novel dan puisi. Pengunjung berpeluang untuk membuat pembelian secara pukal atau borong terus dari Stor DBP.

Pelbagai kaedah pembayaran disediakan untuk kemudahan pengunjung, seperti pembayaran secara tunai, kad garut dan pembayaran digital. Ikuti perkembangan Diskaun Mega Buku DBP melalui Instagram dan TikTok rasmi DBP di @dbpbrunei atau hubungi talian Kedai Buku DBP di +673 7293570.





Malaria merupakan penyakit parasit yang boleh mengancam nyawa.



Negara Brunei Darussalam (NBD) dapat mengekalkan kes malaria yang rendah.



Penyebab penyakit ini adalah parasit Plasmodium yang ditularkan melalui gigitan nyamuk Anopheles betina.



25 April disambut sebagai Hari Malaria Sedunia, bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang malaria.



Berwaspada kepada penyakit malaria

Oleh : Norliah Md. Zain

Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

MALARIA merupakan penyakit parasit yang mengancam nyawa. Hampir separuh daripada populasi dunia berisiko dijangkiti malaria dan sebanyak 83 buah negara telah dikategorikan sebagai endemik pada tahun 2023. Insiden global malaria mencatatkan sejumlah 236 juta kes pada tahun 2023, dan kematian akibat malaria dianggarkan sebanyak 597,000.

Penyebab penyakit ini adalah parasit Plasmodium yang ditularkan melalui gigitan nyamuk Anopheles betina. Setelah masuk ke tubuh, parasit ini akan singgah di organ hati, membiak, lalu menyerang sel darah merah, yang boleh menyebabkan gejala seperti demam dan menggigil. Oleh itu, jika tidak ditangani dengan tepat dan cepat, malaria boleh menjadi penyakit merbahaya dan dapat menimbulkan komplikasi serius seperti anemia, kegagalan ginjal hingga boleh membawa kepada kematian.

Penyakit ini boleh dicegah dan diubati, namun ada negara yang masih menjadi cabaran kesihatan. Antaranya disebabkan oleh cuaca ekstrem, konflik, krisis kemanusiaan, dan tekanan ekonomi telah mengganggu pengendalian malaria di kebanyakan negara endemik. Akibatnya, berjuta-juta orang sukar mendapatkan akses pencegahan, pengesanan dan rawatan yang mereka perlukan.

25 April, Sambutan Hari Malaria Sedunia

Setiap 25 April, dunia bersatu untuk menyambut Hari Malaria Sedunia yang mana inisiatif global ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang malaria, penyakit yang terus menjajaskan berjuta-juta orang di seluruh dunia. Ia berfungsi sebagai peringatan tentang usaha berterusan bagi mencegah, mengawal dan membasmikan

malaria, menyerlahkan kedua-dua cabaran global dan kejayaan serantau.

Hari Malaria Sedunia telah diisytiharkan pada Mei 2007 ketika sesi Ke-60 Perhimpunan Kesihatan Sedunia, badan pembuat keputusan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Ia adalah bagi menggantikan Hari Malaria Afrika, yang telah disambut sejak 2001, untuk meluaskan kesedaran tentang kesan global malaria dan untuk menggembungkan usaha antarabangsa menentang penyakit tersebut.

Tema 2025

Tema untuk Hari Malaria Sedunia 2025 ialah 'Malaria Ends with Us : Reinvest, Reimagine, Reignite'. (Malaria Berakhir Dengan Kita : Labur Semula, Bayangkan Semula, Nyalakan Semula.).

Tema ini menekankan kepentingan pelaburan yang diperbaharui, strategi inovatif dan komitmen yang dihidupkan semula untuk memerangi malaria.

Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam (NBD) dapat mengekalkan kes malaria yang rendah, dengan adanya langkah kesihatan awam yang berkesan dan pengawasan yang berwaspada, dan ini patut disyukuri oleh segenap lapisan rakyat dan penduduk di negara ini. Walau bagaimanapun, negara ini tidak sepenuhnya bebas daripada risiko malaria.

Antara 2007 hingga 2017, sebanyak 73 kes malaria Plasmodium knowlesi telah dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan.

Plasmodium knowlesi, merupakan parasit Zoonosis yang disebarluaskan daripada monyet kera kepada manusia melalui nyamuk Anopheles, iaitu sejenis malaria yang biasa didapati di NBD dan negara jiran, Malaysia.

21 peratus daripada kes ini diperoleh oleh pesakit ketika melaksanakan pekerjaan, yang menjelaskan individu seperti pegawai peronda sempadan, kakitangan angkatan tentera, pegawai perhutanan, tukang bot dan penyelidik.



21 peratus daripada kes ini diperoleh oleh pesakit ketika melaksanakan pekerjaan, yang menjelaskan individu seperti pegawai peronda sempadan, kakitangan angkatan tentera, pegawai perhutanan, tukang bot dan penyelidik.



Tambah 38 peratus pula berkemungkinan berkaitan dengan kerja, berkaitan dengan kawasan hutan dan luar bandar mempunyai risiko terkena penyakit ini.



Langkah mudah tetapi berkesan seperti memakai krim pelindung, menggunakan penghalau serangga, memakai pakaian lengan panjang apabila berada di kawasan hutan dan mengelakkan berada di kawasan hutan ketika aktiviti nyamuk berada di puncak.



Mereka yang merancang untuk meneroka hutan hujan di NBD atau terlibat dalam pekerjaan seumpamanya adalah dinasihatkan untuk terus berwaspada.



Ambil langkah berwaspada

Orang awam boleh membuat langkah-langkah mudah tetapi berkesan antaranya mengurangkan pendedahan kepada gigitan nyamuk dan mengawal populasi nyamuk, memakai krim pelindung, menggunakan penghalau serangga, memakai pakaian lengan panjang apabila berada di kawasan hutan ketika aktiviti nyamuk berada di puncak. Promosi seperti ini boleh dibuat secara meluas untuk meminimumkan risiko.

Ubat pencegahan juga boleh diambil sebelum, semasa dan selepas perjalanan ke kawasan berisiko tinggi. Para pengembara, terutamanya mereka yang merancang untuk meneroka hutan hujan di NBD atau terlibat dalam pekerjaan seumpamanya adalah dinasihatkan untuk terus berwaspada.

Ketika masyarakat global memperingati Hari Malaria Sedunia, kewaspadaan yang berterusan adalah penting walaupun negara kita mempunyai insiden malaria yang rendah.

Pelaburan berterusan dalam infrastruktur kesihatan awam, pendidikan dan penyelidikan adalah penting untuk mencegah kenaikan semula dan untuk mendekati matlamat utama pembasmian malaria.

Walaupun malaria boleh dicegah dan dirawat, ia masih menjadi ancaman serius kepada berjuta-juta orang di kawasan endemik. Mencapai kawalan global dan penghapusan malaria sepenuhnya memerlukan usaha menyeluruh termasuk penambahbaikan infrastruktur kesihatan awam, meningkatkan akses kepada diagnosis dan rawatan, serta pelaburan dalam semua langkah pencegahan. Walaupun kes jangkitan yang berlaku ini masih berada pada tahap terkawal namun kita tidak boleh alpa dan perlu memastikan langkah pencegahan dilakukan bagi menurunkan kadar kes malaria.

12 pelajar Program Pra-Vokasional terima sijil



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Sekolah-sekolah

TUTONG, Selasa, 29 April. - Majlis Penyampaian Sijil bagi meraikan pencapaian pelajar dalam menyempurnakan aktiviti pembungkusan condiments KFC Brunei Sdn. Bhd. bagi 2024 diadakan hari ini di Sekolah Menengah Sayyidina Othman.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pengurus Perolehan KFC Brunei Sdn. Bhd., Clarice Petrus, yang seterusnya menyampaikan sijil penyertaan kepada 12 pelajar

Program Pra-Vokasional. Turut hadir pada majlis berkenaan Ketua Unit Pendidikan Kerjaya dari Jabatan Sekolah - sekolah, Pengurus Gudang dari KFC Brunei Sdn. Bhd., Pengetua, Timbalan Pengetua Akademik, Timbalan Pengetua Pentadbiran, guru-guru dan pelajar.

Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina Othman, Awang Haji Ismail bin Haji Ibrahim dalam



SEKITAR Majlis Penyampaian Sijil yang diadakan di Sekolah Menengah Sayyidina Othman (atas dan atas kiri).

ucapan alu-aluannya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak KFC Brunei Sdn. Bhd. dan pihak Jabatan Sekolah-sekolah atas aktiviti pembungkusan yang merupakan projek kerjasama sejak 2014 di sekolah-sekolah menengah kerajaan yang terpilih.

Menurutnya lagi, Sekolah Menengah Sayyidina Othman

mula melaksanakan aktiviti pembungkusan condiments sejak 2016.

Awang Haji Ismail juga berharap agar projek kerjasama berkenaan akan dapat diteruskan dalam masa terdekat kerana ia membantu membangunkan kemahiran kebolehpasaran pelajar dan memperoleh pengalaman kerja sebagai persediaan untuk

penempatan latihan kerja dan pekerjaan selepas tamat program.

Beliau menambah bahawa sijil berkenaan amat bernilai dalam portfolio peribadi masa depan pelajar dan sebagai salah satu bukti pencapaian.

Pada akhir majlis, Awang Haji Ismail menyampaikan sijil penghargaan kepada Pengurus Perolehan KFC Brunei Sdn. Bhd.

NBD TERIMA KUNJUNGAN SULUNG KAPAL PERSIARAN MS ARTANIA

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan



KAPAL Persiaran MS Artania yang membawa 573 penumpang dan 511 anak kapal itu singgah bagi lawatan ke Negara Brunei Darussalam (NBD) (atas kanan). Manakala gambar atas dan bawah kanan, para pelancong semasa lawatan ke tempat-tempat menarik di NBD.

MUARA, Isnin, 28 April. - Kapal Persiaran MS Artania buat julung kalinya mengadakan lawatan ke Negara Brunei Darussalam (NBD) setelah tiba dari Kota Kinabalu, Malaysia dengan membawa 573 penumpang dan 511 anak kapal.

Lawatan tersebut menandakan ketibaan kapal persiaran ke negara ini buat kali kesembilan bagi tahun 2025 dalam memperkuuhkan lagi pengiktirafan negara ini sebagai destinasi kapal pelayaran yang baharu.

Ketibaan para penumpang MS Artania disambut dengan suasana mesra dan penuh kebudayaan NBD. Kapal persiaran tersebut akan meneruskan perjalanan ke Pulau Tioman, Malaysia.

Sepanjang lawatan di NBD, para penumpang dibawa mengunjungi Kampong Ayer, sambil memahami gaya hidup unik penduduknya, diikuti dengan perjalanan merentasi hutan paya bakau di negara ini. Lawatan turut menampilkan lawatan ke tempat-tempat menarik termasuk Masjid Omar 'Ali Saifuddien dan Istana Nurul Iman.

Di Pusat Kapal Persiaran, para pengunjung berpeluang membeli pelbagai pilihan cenderamata, termasuk baju batik, magnet, rantai kunci, dan kraf buatan tangan yang unik dan kesemuanya mencerminkan kekayaan budaya tempatan.

Astrid Fassler dari Jerman



menyifatkan lawatannya ke NBD sebagai kenangan dan menyatakan minat untuk kembali, memuji keindahan, budaya dan layanan mesra negara itu.

Seorang lagi pelawat Nico juga dari Jerman berkongsi tanggapan positifnya tentang negara ini, melihat keindahan lawatan bakau dan kebersihan merupakan tarikan utama di bandar ini.

Hanenora dari Bavaria pula melahirkan keterujaan mereka untuk melawat NBD terutama sekali semasa lawatan mereka ke Muzium Alat Kebesaran Diraja dan Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Dengan ketibaan MV Mediterranea yang akan datang pada 30 April 2025, NBD terus menarik lebih ramai pelancong antarabangsa, mempamerkan komitmennya untuk menawarkan pengalaman yang luar biasa.



DUA MAUT, LIMA HILANG SELEPAS SUNGAI MELIMPAH DI PERU

LIMA, 29 April. - Sekurang-kurangnya dua kanak-kanak maut manakala lima lagi dilaporkan hilang selepas sebuah sungai melimpah awal pagi

Isnin di wilayah Ancash, barat Peru, menurut pihak berkuasa kesihatan tempatan.

Pegawai kesihatan wilayah, Ricardo Natividad berkata insiden

berlaku di daerah Independencia, wilayah Huaraz, selepas kejadian tanah runtuh menyebabkan Sungai Casca melimpah, lapor Xinhua. "Polis sedang menjalankan

operasi mencari mangsa yang terselamat dan yang terkorban.

"Setakat ini, lima orang dilaporkan hilang dan dua kanak-kanak disahkan maut," kata Natividad dalam satu rakaman video yang dikongsi di media sosial.

Beliau berkata pasukan kesihatan turut menyediakan sokongan kesihatan mental kepada penduduk terjejas, yang



kebanyakannya bergelut dengan kelaparan.

Menurut agensi berita rasmii Peru, Andina, kira-kira 100 orang terjejas akibat insiden itu.

Pihak berkuasa turut melaporkan kerosakan pada beberapa rumah, kemusnahan tiga jambatan, gangguan bekalan elektrik, serta runtuhan jalan raya. - ©BERNAMA

Arab Saudi umum penalti terhadap jemaah haji tanpa permit dan pihak yang membantu

RIYADH, 29 April. - Kementerian Dalam Negeri Arab Saudi menetapkan hukuman terhadap individu dan pihak yang melanggar peraturan permit haji, berkuat kuasa sepanjang musim Haji, lapor Agensi Berita Saudi (SPA).

Berdasarkan peraturan baharu, denda sehingga SR20,000 akan dikenakan ke atas individu yang didapati menunaikan atau cuba menunaikan haji tanpa permit, termasuk pemegang semua jenis visa lawatan yang cuba memasuki atau berada di bandar Mekah dan kawasan Tanah Suci dalam tempoh yang ditetapkan.

Kedua, denda sehingga SR100,000 akan dikenakan ke atas

mana-mana pihak yang memohon visa lawatan bagi individu yang menunaikan atau cuba menunaikan haji tanpa permit, atau yang memasuki atau tinggal di bandar Mekah dan kawasan Tanah Suci dalam tempoh berkenaan.

Denda akan dikenakan berlipat kali ganda bagi setiap individu yang terlibat.

Denda yang sama turut dikenakan ke atas mana-mana pihak yang membawa atau cuba mengangkat pemegang visa lawatan ke bandar Mekah dan kawasan Tanah Suci, serta mereka yang menempatkan atau cuba menempatkan pemegang visa lawatan di mana - mana

penginapan, termasuk hotel, pangsapuri, rumah persendirian, tempat perlindungan atau tapak jemaah haji.

Ketiga, individu yang cuba menunaikan haji tanpa kelulusan, sama ada penduduk sah atau mereka yang tinggal melebihi tempoh visa akan dihantar pulang ke negara asal masing-masing dan dikenakan larangan memasuki Arab Saudi selama 10 tahun.

Keempat, mahkamah akan diminta merampas kenderaan darat yang digunakan untuk membawa pemegang visa lawatan ke Mekah dan kawasan Tanah Suci dalam tempoh ditetapkan, jika kenderaan itu dimiliki oleh pengangkat, pemudah cara atau individu bersubhat.

©BERNAMA

Gunung Bulusan meletus, Filipina naikkan tahap amaran

MANILA, 28 April. - Pihak berkuasa Filipina menaikkan tahap amaran untuk Gunung Bulusan di wilayah Sorsogon, tenggara Manila selepas gunung berapi itu memuntahkan asap tebal setinggi 4.5 kilometer ke udara pada Isnin.

Institut Vulkanologi dan Seismologi Filipina (PHIVOLCS) dalam satu kenyataan memaklumkan tahap amaran dinaikkan dari sifar ke satu pada skala lima, selepas letusan freatik berlaku pada 4.36 pagi waktu tempatan dan berlarutan selama 24

minit.

"Letusan itu memuntahkan abu setinggi 4.5 kilometer dari kawah sebelum berserakan ke arah barat hingga barat daya," menurut kenyataan itu.

Institut terbabit memberi amaran tentang kemungkinan letusan berulang, menggesa penduduk setempat supaya berwaspada dan melarang sebarang aktiviti dalam zon bahaya sejauh 4 kilometer dari kawah gunung.

PHIVOLCS turut menasihatkan juruterbang dan pihak berkuasa

penerbangan awam supaya mengelakkan penerbangan berhampiran puncak Gunung Bulusan.

Filipina mempunyai 24 gunung berapi aktif. Selain Gunung Bulusan, Gunung Mayon di wilayah Albay dan Gunung Taal berhampiran Manila kini berada pada tahap amaran satu, manakala Gunung Kanlaon diletakkan pada tahap amaran tiga, menunjukkan ketidakstabilan magma dengan peningkatan risiko letusan. - ©BERNAMA

Khazanah laut berusia 800 tahun : Terumbu karang purba dijumpai di Laut Merah

RIYADH, 28 April. - Red Sea Global (RSG) pada Ahad mengumumkan penemuan penting sebuah koloni terumbu karang gergasi spesies Pavona di perairan AMAALA, pesisir barat laut Arab Saudi, lapor Saudi Press Agency (SPA).

Ia hampir menyamai saiz pemegang rekod dunia semasa yang berukuran 32 x 34 meter, ditemui di Lautan Pasifik dan kini diiktiraf sebagai koloni karang terbesar seumpamanya yang pernah direkodkan di Laut Merah.

Dalam satu kenyataan media, RSG mendedahkan keajaiban perlindungan terumbu karang semula jadi itu berpotensi menjadi tarikan utama pelancong ke AMAALA menerusi aktiviti selam, menawarkan pengalaman unik dan tidak dapat dilupakan.

Akses ke lokasi itu akan dibenarkan kepada para pelawat

selaras dengan prinsip pelancongan bertanggungjawab RSG, bagi memastikan impak terhadap ekosistem marin diminimumkan sambil membolehkan pengunjung menikmati keindahan luar biasa dunia bawah laut.

Ketua Perlindungan Alam Sekitar dan Pemulihan RSG, Ahmed Alansari berkata penemuan karang sebesar ini menunjukkan betapa pentingnya nilai ekologi dan keindahan semula jadi Laut Merah.

"Di RSG, kami percaya perlindungan terumbu karang adalah sangat penting. Karang gergasi seperti ini berfungsi sebagai kapsul masa, memberikan maklumat penting untuk menjelaki perubahan oseanografi masa lalu, yang seterusnya membantu kita memodelkan tindak balas

terhadap perubahan alam sekitar pada masa depan," katanya.

Beliau juga berkata memahami bagaimana koloni karang ini mampu bertahan begitu lama adalah penting untuk melindungi terumbu karang lain di Laut Merah, dan mungkin di seluruh dunia demi generasi akan datang.

Kenyataan itu turut menyebut bahawa menentukan usia sebenar karang gergasi ini adalah mencabar kerana teknik penentuan usia yang tepat bersifat invasif, selain ketidakaadaan data kadar pertumbuhan spesies terbabit di Laut Merah.

Namun, anggaran berdasarkan saiz koloni, kadar pertumbuhan spesies serupa di Lautan Pasifik serta hasil pemetaan fotogrametri menunjukkan ia berusia antara 400 hingga 800 tahun. - ©BERNAMA

Individu tertua di Jepun meninggal dunia pada usia 115 tahun

GIFU (Jepun), 29 April. - Okagi Hayashi, wanita berusia 115 tahun yang diiktiraf sebagai individu tertua di Jepun, meninggal dunia akibat kegagalan jantung hujung minggu lepas, menurut Kementerian Kesihatan negara itu pada Isnin.

Hayashi, yang dilahirkan pada 2 Sept 1909, meninggal dunia pada pagi Sabtu di sebuah hospital di kampung halamannya di Toki, Wilayah Gifu, lapor Kyodo News memetik kementerian dan sumber lain.

Beliau menjadi orang tertua di Jepun pada Disember lepas selepas kematian Tomiko Itooka, yang meninggal dunia pada usia 116 tahun dan diiktiraf sebagai individu tertua di dunia ketika itu.

Kini, orang tertua di Jepun ialah Mine Kondo, 114 tahun, yang menetap di Kota, Wilayah Aichi. - ©BERNAMA

Korea Selatan kecam pengakuan Korea Utara kirim tenteranya ke Rusia

SEOUL, 28 April. - Korea Selatan mengutuk pengakuan terbuka Korea Utara yang menghantar tentera ke Rusia bagi menyokong operasi ketenteraan Moscow terhadap Ukraine, lapor agensi berita Yonhap.

Dalam satu kenyataan pada Isnin, Kementerian Luar Korea Selatan menyuarakan keimbangan susulan pengumuman Pyongyang menerusi media rasmi negara itu bahawa ia mengerahkan angkatan tenteranya di bawah perjanjian pertahanan bersama dengan Rusia, mendakwa ia sebagai tindakan yang sah.

"Dengan mengakui secara terbuka mengenai penghantaran ini atas alasan undang-undang antarabangsa, Korea Utara secara terbuka mempersendakan masyarakat antarabangsa. Kami mengutuk sekeras-kerasnya tindakan sedemikian," menurut kenyataan itu.

Kementerian itu menegaskan bahawa penghantaran tentera serta peluasan kerjasama ketenteraan Korea Utara dengan Rusia merupakan pelanggaran serius terhadap norma antarabangsa, termasuk Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan resolusi Majlis Keselamatan PBB.

Korea Selatan turut menggesa Rusia dan Korea Utara supaya segera menghentikan kerjasama ketenteraan yang menyalahi undang-undang, sambil memberi amaran bahawa tindakan itu mengancam keamanan dan kestabilan serantau serta global.

"Kami akan terus bekerjasama rapat dengan masyarakat antarabangsa untuk melaksanakan langkah-langkah sewajarnya terhadap sebarang aktiviti yang mengancam keselamatan negara kami," menurut kenyataan itu. - ©BERNAMA

12 maut, van terjunam ke dalam perigi di India

NEW DELHI, 28 April. - Sekurang-kurangnya 12 orang maut dalam kemalangan tragis di negeri Madhya Pradesh, India pada Ahad, lapor Xinhua memetik kenyataan seorang pegawai polis.

Kemalangan berlaku di kawasan Mandsaur, Madhya Pradesh, ketika para mangsa dalam perjalanan menuju ke sebuah kuil.

Laporan media menyatakan van malang itu bertembung dengan sebuah motosikal sebelum pemandunya hilang kawalan, menyebabkan kenderaan itu terjunam ke dalam perigi berhampiran.

Penunggang motosikal dilaporkan maut di lokasi kejadian.

Seorang lagi individu yang terjun ke dalam perigi untuk menyelamatkan mangsa turut disahkan meninggal dunia.

Perdana Menteri India, Narendra Modi merakamkan ucapan takziah atas insiden itu dan mengumumkan bantuan kewangan sebanyak 200,000 Rupee India (sekitar AS\$2,343) untuk setiap keluarga mangsa yang terkorban. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



BRUNEI DPMM FC TUMPASKAN GEYLANG INTERNATIONAL FC 3 - 1



AKSI para pemain pada perlawanan Liga Perdana Singapura 2024/2025 (Singapore Premier League - SPL) (kiri dan kiri sekali).

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad, Tangkap Layar YouTube
Singapore Premier League

REPUBLIK SINGAPURA, Selasa, 29 April. - Misi untuk memburu tiga mata penuh tercapai kali ini apabila kemenangan berpihak kepada Brunei DPMM FC setelah berjaya menumpaskan Geylang International FC dengan berkesudahan 3 - 1 pada perlawanan Liga Perdana

Singapura 2024/2025 (Singapore Premier League - SPL) malam tadi.

Perlawanan yang berlangsung di Town Square, Our Tampines Hub di sini menyaksikan Brunei DPMM FC membuka gol pertama mereka menerusi Davis Ikaunieks yang berjaya membolos gawang pihak lawan pada minit ke-34.

Meskipun kedua-dua pasukan menggasak kubu pertahanan lawan masing-masing namun jaringan 1 - 0 terus kekal sehingga tamat separuh masa pertama.

Pada separuh masa kedua seterusnya pula menyaksikan Brunei DPMM FC mula mendominasi permainan dan memberikan kelebihan kepada Brunei DPMM FC untuk menambah jaringan menerusi tandukan Nurikwan Othman tanpa kawalan daripada penjaga

gol pihak lawan, Hairul Syirhan pada minit ke-70.

Belum sempat meraikan gol kedua, prestasi Miguel Oliveira yang begitu cemerlang hasil daripada hantarnya Davis Ikaunieks sekali lagi menyumbat gol keduanya tujuh minit kemudian sehingga menjadikan jaringan ketiga buat Brunei DPMM FC.

Geylang International seakan tidak mengalah meskipun masa hampir tamat namun tendangan

Vincent Bezecourt yang berada di garisan tanpa disangka penjaga gol Brunei DPMM FC, Haimie Nyaring lalu membencong ke dalam gawang sekali gus memberikan satu gol buat pasukan mereka.

Kemenangan pada perlawanan kali ini sekali gus menjadikan Brunei DPMM FC naik kedudukan ke-6 dengan mengutip sebanyak 32 mata.

Ketua Jurulatih, Jamie Mcallister berasa lega dengan kemenangan pada perlawanan malam tadi namun sentiasa mengingatkan anak buahnya untuk memperbaiki prestasi permainan yang baik untuk menuju ke puncak liga bagi musim ini

Shah United tewaskan MS ABDB 6 – 5

Siaran Akbar dan Foto : Brunei Elite Futsal League

TUNGKU LINK, Isnin, 28 April. - Pasukan Shah United mempamerkan sentuhan ajaib apabila bangkit pada 10 minit terakhir untuk menewaskan MS ABDB 6 - 5 dalam perlawanan dramatik Brunei Elite Futsal League (BEFL) 2024-2025 yang berlangsung di Dewan Tertutup Kompleks Sukan Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Kemenangan menarik itu merancakkan lagi perebutan kedudukan terbaik dalam BEFL yang kini memasuki pusingan kedua.

Pemain import dari Thailand, Faisol Muso muncul wira Shah United apabila meledak jaringan kencang pada minit ke-34 sekali gus memastikan kemenangan penuh bermakna selepas pasukan itu hampa kepada

Kasuka Ar Rawda minggu lalu. MS ABDB terlebih dahulu membuka tirai jaringan menerusi Abd. Matin Norazlan pada minit ke-6 namun Ridzwan Awaebuesa pantas menyamakan kedudukan dua minit kemudian.

Pasukan MS ABDB terus menguasai permainan dengan ketua pasukan, Ak. Md. Jumatatul Aleshahmezan menjaringkan dua gol pada minit ke-13 dan 32.

Selepas itu, Abd. Malik Abdullah Ali Kasim pula menambah gol pada minit ke-17 yang diikuti jaringan Mohd. Asyrol Rafiuddin Asmadi pada minit ke-29 sekali gus menjadikan kedudukan semakin memihak kepada MS ABDB.

Namun, kelincihan Ridzwan Awaebuesa kembali menyinar apabila beliau melakar hatrik

berturut-turut pada minit ke-30, 31 dan 33. Jaringan Norazam Rusli pada minit ke-33 turut menyemarakkan semangat Shah United yang akhirnya disempurnakan oleh Faisol Muso bagi memastikan kemenangan dramatik 6 – 5.

Dalam perlawanan lain, Kasuka Ar Rawda terus mempamerkan dominasi apabila membela DDT FC 10-1, sekali gus mengekalkan kedudukan di puncak carta BEFL. Sementara itu, Almerez Hitune FC kembali naik ke tangga kedua liga selepas mencatat kemenangan meyakinkan 5-0 ke atas Arbisyam FC.

Dalam aksi Brunei Premier Futsal League (BPFL) 2024-2025 pula, MS PPDB berjaya menewaskan PES 5-0, sekali gus menyamai pungutan 18 mata dengan pendahulu liga, Hars Elite,



AKSI perlawanan antara pasukan MS PPDB dan pasukan PES dalam saingan Brunei Premier Futsal League (BPFL) 2024-2025 di Dewan Tertutup Kompleks Sukan Universiti Brunei Darussalam (UBD).

tetapi dipisahkan oleh kelebihan jaringan.

Kejohanan BPFL dijangka mencapai kemuncaknya apabila

MS PPDB dan Hars Elite bertemu dalam perlawanan penentuan kejuaraan yang dijadualkan pada awal bulan depan.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BEKERJA IKHLAS RAIH KEREDAAN ALLAH